

Jilid I
Bil. 88



Hari Isnin
16hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14569]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.14 hingga B.16 [Ruangan 14619]
Maksud B.17 [Ruangan 14676]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.14 hingga P.16 [Ruangan 14619]
Maksud P.17 [Ruangan 14676]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh. TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (pRANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P, (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., PLS., B.S.I (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, -DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ - Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N.,P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.M., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MoHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru),
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- ., PUAN Sm ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ., DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- ., DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ., DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ., TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab,

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 16hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT
BAGIPERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji
Mat Piah.

(*Soalan No. 1 Y.B. Dato Haji
Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir.*)

**BANJIR—PENYELARASAN
AGENSI KERAJAAN**

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah jabatan-jabatan terlibat dengan masalah banjir seperti JKR, Polis, Tentera, Pejabat-pejabat Daerah dan sebagainya telah diberi fahaman dan arahan tentang betapa perlunya penyelarasan di antara Jabatan-jabatan berkenaan di dalam membuat persediaan menghadapi masalah banjir dan mengatasi kesulitan yang mungkin timbul oleh kedatangan banjir. Nyatakan peruntukan yang dicadangkan bagi menghadapi banjir tahun ini.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan di antara agensi-agensi Kerajaan bagi menghadapi masalah banjir memang telah sedia

wujud. Penyelarasan ini dibuat di semua peringkat, baik di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah melalui Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam. Jawatankuasa ini mengadakan pertemuan pada awal bulan Oktober tiap-tiap tahun, iaitu menjelang tibanya musim tengkujuh untuk menyelaraskan, merancang dan mengarahkan Operasi Bantuan Banjir.

Untuk memastikan semua tindakan bantuan yang sewajarnya berjalan dengan teratur, tiap-tiap agensi Kerajaan yang berkaitan telahpun mempunyai rancangan luar jangka, atau dengan izin, contingency plan masing-masing, dan rancangan iuar jangka. Ini senantiasanya dikemaskinikan daripada semasa ke semasa. Peruntukan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing. Jumlah yang diperuntukkan adalah berbeza di antara \$20,000 hingga \$400,000 tertakluk kepada kemampuan sesebuah negeri. Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna Kerajaan Pusat tidak pernah membantu Kerajaan-kerajaan Negeri ini.

Pada tahun 1986 Kerajaan Pusat telah memberikan bantuan masing-masing sebanyak \$V5 juta kepada negeri Terengganu, negeri Johor dan negeri Kelantan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara masalah yang berkaitan dengan berlakunya banjir ini ialah kerana masalah kedudukan di segi geografi

sesuatu kampung. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah berlaku banjir di kampung-kampung yang terlibat?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, dari segi hendak mengatasi masalah banjir ini Kerajaan mempunyai dua program iaitu Program Jangka Pendek dan Program Jangka Panjangnya. Untuk jangka pendek, langkah-langkah seperti membuat empangan serba-guna, melurus dan mendalamkan sungai-sungai dan taliair, memperbaiki sistem perparitan di bandar-bandar dan lain-lain. telah dan sedang kita lakukan.

Demikian juga dari segi kita hendak menyelesaikan masalah banjir dari segi jangka panjang ini, satu Suruhanjaya telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan semenjak tahun 1971 dahulu dan Suruhanjaya ini terus menjalankan tugasnya untuk mengkaji masalah ini dengan sebaik-baiknya dan mengemukakan langkah-langkah kepada Kerajaan daripada semasa ke semasa bagi mengatasi masalah banjir di seluruh negara dari segi jangka panjang.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banjir terbahagi kepada dua — satu banjir yang besar dan satu lagi banjir kilat. Saya suka melihat dari segi banjir kilat yang mana punca utamanya adalah berdasarkan kepada anak-anak sungai yang sebu dan juga parit-parit yang terbiar. Jadi, adakah pihak Kementerian atau pihak Menteri sedar bahawa inilah merupakan punca utama banjir kilat berlaku dan sejauh mana yang saya lihat berasaskan pengalaman saya, tidak ada tindakan yang positif ke arah membanteras banjir kilat, lebih-lebih lagi di tepi Sungai Perak?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikatakan bahawa tindakan tidak

diambil, ini adalah tidak benar. Tindakan memang diambil oleh Kerajaan dan pada berbagai peningkat pun untuk mengatasi masalah banjir kilat ini. Tetapi di segi banjir kilat ini, ia tertumpu kepada masalah tentang kebiasaan manusia. Ada sungai-sungai yang menjadi punca banjir kerana amalan manusia yang suka membuang sampah ke dalam sungai-sungai atau ke dalam parit-parit. Kalaupun berlaku di bandar-bandar, juga dari segi amalan penduduk yang tidak dapat memberikan kerjasama untuk membuang sampah dengan betul terutamanya atau menjalankan kerja-kerja seperti kerja mengorek lubang dan sebagainya dan kerja itu apabila selesai, maka bekas tempat mereka bekerja tidak pula dibersihkan. Apabila ini berlaku, pada ketika musim hujan, maka hujan itu banyak maka air tidak dapat lalu dengan cepat dan itu menyebabkan banjir-banjir kilat.

Namun demikian soal mendidik rakyat agar bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk mengurangkan gejala banjir kilat ini akan berterusan. Dalam hal ini RTM akan terus memainkan peranan untuk mengingatkan rakyat jelata tentang peranan dan tanggungjawab mereka bagi mengelakkan banjir kilat akibat daripada tindakan mereka yang dianggap kurang bertanggungjawab seperti yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Ghazali bin Ahmad tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Bujang bm Haji Ulis tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua. soalan yang ke 6.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

iTiada jawapan dan Menteri),

Tuan Yang di-Pertua: Kita berbalik kepada soalan itu sekejap lagi

Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Chua Jui Meng tidak hadir).

PERWIRA HABIB BANK DAN BANK PUSAT KERJASAMA — KERUGIAN

8. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kerugian Perwira Habib Bank dan Central Cooperative Bank (CCB) dalam masa beberapa tahun yang lalu. Adakah kerugian ini berpunca daripada penyelewengan dan penyalahgunaan kuasapihak Lembaga Pengarahnya dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Bank Negara supaya orang ramai terutamanya pelanggan-pelanggan tidak hilang kepercayaan terhadap mstitusi-institusi kewangan tersebut.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kerugian yang dialami oleh Perwira Habib Bank dalam tahun 1985 dan 1986 ialah masing-masing sebanyak \$412.2 juta dan \$261.4 juta. Dalam beberapa tahun yang lalu Bank Pusat kerjasama (CCB) tidak mengalami apa-apa kerugian

Kerugian Perwira Habib Bank adalah berpunca daripada pengurusan

yang lemah, perkembangan yang terlalu cepat, amalan-amalan bank yang tidak cermat dan pengawalan yang lemah.

Tindakan-tindakan sewajarnya telahpun diambil bagi mengukuhkan pengurusannya, khususnya melalui pertukaran kakitangan dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapinya. Perkhidmatan jururunding luar juga telah diperolehi untuk mengkaji urusan dan prosedur-prosedur bank. Satu program pemulihan pinjaman telah dilaksanakan bagi mendapatkan balik hutang yang masih belum dijelaskan. Saya percaya dengan tindakan-tindakan tersebut, Perwira Habib Bank akan dapat mengekalkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadapnya.

Mengenai kesalahan pengurusan dan penyalahgunaan kuasa pula, pihak polis sedang menyempurnakan penyiasatan mereka. Setakat ini tindakan mahkamah telahpun diambil ke atas beberapa orang yang terlibat.

Di bawah Lembaga Penganih dan pengurusan yang baru serta asas modal yang diperkukuhkan, bank berkenaan telah pulih kembali, di mana ia telah berjaya membuat keuntungan dalam separuh tahun pertama yang berakhir pada bulan Jun, 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 6 boleh dijawab sekarang.

BIL TELEFON — ADUAN PENGGUNA

6. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menten Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar akan pengaduan pengguna-pengguna mengenai bayaran bil telefon yang berlebihan;

- (ii) sama ada beliau bercadang memperkenalkan pemasangan meter telefon merekod bilangan panggilan tempatan; dan
- (iii) sama ada beliau bercadang memperkenalkan sistem di mana semua panggilan yang dibuat dan destinasi dapat dicatatkan dalam bil bulanan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan:

- (i) Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedar tentang adanya aduan daripada pengguna mengenai bil telefon yang berlebihan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aduan rasmi bil berlebihan yang telah dibuat ialah 57,056 yang bersamaan dengan 5.47% daripada jumlah talian pada tahun 1986 dan 39,879 hingga bulan Disember, 1987 bersamaan 3.6% daripada jumlah talian. Daripada angka di atas, satu rumusan yang boleh dibuat ialah aduan rasmi telah berkurangan berbanding dengan tahun-tahun sebelum Syarikat Telekom Malaysia diwujudkan.

Aduan berkurangan dengan lebih ketara di kawasan tengah termasuk Selangor dan Wilayah Persekutuan apabila Syarikat Telekom Malaysia memperkenalkan sistem bil terperinci melalui teknologi berkomputer yang memberi maklumat secara terperinci seperti nombor dan tempat telefon yang dipanggil, tarikh, masa dan tempoh panggilan yang dibuat. Dengan adanya bil terperinci, bilangan aduan di kawasan tengah telah berkurangan daripada 24,196

kepada 14,054 iaitu lebih kurang 3.5% daripada jumlah talian.

- (ii) pemasangan meter telefon tidak berbangkit kerana alat ini telah memang menjadi sebahagian daripada kelengkapan tiap-tiap ibusawat telefon yang telah dipasang di seluruh negara semenjak daripada mula-mula lagi.
- (iii) Teknologi berkomputer yang mengeluarkan bil terperinci adalah cara yang berkesan untuk mengatasi masalah mengenai bil telefon. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan ini telah diperkenalkan secara menyeluruh di kawasan tengah khususnya kawasan yang mempunyai ibusawat berkomputer. Di kawasan tengah ini adalah lebih kurang 399,793 pengguna telefon yang boleh menggunakan kemudahan ini, tetapi hanya 35,000 sahaja telefon melanggan bil terperinci. Pengguna dikehendaki melanggan selama 6 bulan, membayar \$1 sebulan untuk mendapatkan kemudahan bil terperinci.

Oleh yang demikian, saya menyeru pengguna di kawasan tengah supaya menggunakan kemudahan ini.

Akhirnya, untuk kawasan-kawasan yang lain, Syarikat Telekom Malaysia sedang merancang untuk memperkenalkan kemudahan yang sama dengan membuat pelaburan modal yang lebih banyak lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu pada puratanya agak berapa aduan yang

diterima daripada para pengguna mengenai bayaran bil telefon yang berlebihan di kawasan tengah itu yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sama ada STM ini mempunyai satu unit yang khas untuk mengendalikan segala rungutan ataupun aduan mengenai perkara ini supaya masalah itu dapat dibincang dan diselesaikan dengan seberapa segera?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk kawasan tengah, saya menyebut angka 14,054 daripada mula syarikat ini diwujudkan sehingga bulan September. Itu adalah aduan mengenai bil berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bil berlebihan ini adalah satu masalah yang paling dekat sekali dengan masyarakat pengguna. Oleh yang demikian, STM menganggap bahawa sekiranya ia berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah ini maka sebahagian besar masalah mengenai Syarikat Telekom Malaysia akan dapat diatasi. Oleh yang demikian, saya ingin membuat perakuan di sini bahawa pihak Syarikat akan memberi penekanan supaya masalah ini dapat diatasi seberapa banyak dan seberapa segera yang boleh.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan perkhidmatan telefon, saya ingin tahu sama ada seseorang Wakil Rakyat diberi keutamaan apabila dia memohon untuk mendapatkan kemudahan telefon itu dan sama ada lazim ataupun normal, dengan izin, seseorang Wakil Rakyat menunggu selama tiga bulan dan masih belum berjaya mendapatkan perkhidmatan telefon dan alasan yang diberikan ialah tiada talian.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita maklum tentang peranan yang dimainkan oleh Wakil Rakyat. Oleh yang demikian, Syarikat Telekom sememangnya

memberi keutamaan kepada pihak-pihak yang menjalankan tanggungjawab yang penting untuk masyarakat. Jika sekiranya ada masalah yang mana bekalan itu tertangguh selama 3 bulan, saya percaya masalah itu bukanlah disengajakan semata-mata kerana tidak ada kemudahan teknikal di peringkat tempatan untuk menyampaikan bekalan itu dan jika sekiranya ada kes yang tertentu, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Gopeng menyampaikan kepada saya.

KUTIPAN HASIL PENDAPATAN DARI SABAH

9. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pendapatan yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan daripada negeri Sabah mulai tahun 1980 hingga 1986. Senaraikan punca pendapatan tersebut.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah hasil pendapatan yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan daripada negeri Sabah dari tahun 1980 hingga 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Hasil (\$ juta)</i>
1980	763.52
1981	863.07
1982	990.02
1983	1,101.38
1984	1,126.70
1985	1,046.08
1986	795.25

Senarai punca pendapatan sepertimana yang dinyatakan di atas adalah cukai pendapatan, duti import, duti eksport, duti eksais, duti jualan, cukai perkhidmatan, cukai jalan, duti setem, royalti petroleum dan lain-lain.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab berhubung dengan pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada negeri Sabah. Di sini saya ingin bertanya berapa pula perbelanjaan peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sabah daripada tahun 1980 hingga 1986?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tak berbangkit. Tetapi Yang Berhormat boleh jawab?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kepada angka-angka yang saya ada di sini bahawa kita dapati pembelian dan pemberian kepada negeri Sabah bagi jangka masa yang ditanyakan itu adalah melebihi daripada hasil yang dikutip. Jadi, tidaklah bererti bahawa kita dapat lebih, kita bagi kutang; malahan pemberiannya adalah lebih daripada yang diterima.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sik.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon gostan, tetapi soalan tambahan Nombor 8 ini nampaknya Tan Sri tak beri peluang bertanya soalan tambahan tentang CCB. Bolehkah gostan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak boleh. (*Ketawa*)

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Saya nampak Tan Sri tak berapa adil. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tak benarkan Yang Berhormat bercakap begitu. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Saya tarik balik, tetapi tak mengapakah? (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri Kewangan datang, saya hendak bertanya soalan tambahan mengenai soalan No. 8.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bangun tadi untuk itu.

TAR JALANRAYA UTAMA DI SARAWAK

10. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kerja "tar sealing" satu-satunya lebuhraya Sarawak dari Sri Aman/Betong/Saratok/Sarikei/Julau/Bintulu sangat lambat dan apakah langkah Kementeriannya untuk mempercepatkan kerja-kerja tersebut untuk mencapai matlamat supaya separuh daripada sepanjang lebuhraya itu dapat siap dengan "tar sealed" menjelang tahun 1990. Menteri berkenaan telah berjanji bahawa lebuhraya Sarawak akan siap pada tahun 1990, jika demikian kita masih jauh dari matlamat yang dijanjikan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perancangan awal Kerajaan sememangnya bercadang mengtarkan seluruh bahagian jalanraya utama itu dari Seri Aman ke Bintulu dalam Rancangan Malaysia Kelima. Oleh kerana keadaan ekonomi negara tidak mengizinkan, peruntukan yang

secukupnya untuk mengtarkan keseluruhan jalan itu tidak dapat disediakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bahagian jalanraya itu yang jumlah panjangnya lebihkurang 470 kilometer, sepanjang 140 kilometer telah pun ditarkan dan sepanjang 58 kilometer tagi sedang dilaksanakan. Adalah dijangka dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini sepanjang 168 kilometer lagi bahagian jalanraya itu akan siap iaitu keseluruhan bahagian jalan Sibu ke Bintulu sepanjang 130 kilometer dan bahagian jalan Seri Aman/Sibu sepanjang 38 kilometer. Walau bagaimanapun, pembinaan bahagian-bahagian lain jalanraya utama negeri Sarawak akan diteruskan dalam rancangan-rancangan yang akan datang.

Tuan Jawah Anak Gerang: Soalan tambahan. Adakah Menteri Kerjaraya menghadapi halangan-halangan yang tertentu supaya mengtarkan jalan lebuhraya tersebut dan jika ada, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini supaya proses mengtarkan jalan tersebut dapat dipercepatkan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak ada, cuma keadaan ekonomi tidak mengizinkan.

PUSAT KESIHATAN PULAU BUM-BUM

11. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menerangkan bilakah Pusat-pusat Kesihatan Pulau Bum-Bum, Semporna, Sabah dibina; jika sekiranya pembinaannya masih di dalam proses pelaksanaan, bolehkah Kementerian mengadakan satu

pasukan perubatan yang begitu ramai di pulau tersebut; di samping itu adakah rancangan-rancangan Kementerian beliau untuk menambahkan bilangan wad-wad pesakit di Hospital Daerah Semporna, memandangkan wad-wad yang ada tidak mencukupi kerana pertambahan penduduk di daerah tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, projek Pusat Kesihatan di Gusong Melanta di Pulau Bum-Bum terpaksa ditunda pelaksanaannya dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima oleh kerana kekurangan peruntukan pembangunan. Bagi langkah sementara Kementerian Kesihatan telah pun membuat keputusan untuk menghantar satu pasukan perubatan bergerak ke Pulau Bum-Bum 2 kali sebulan. Pasukan perubatan akan dianggotai oleh seorang Pembantu Hospital dan seorang Penolong Jururawat. Projek tambahan wad-wad di Hospital Daerah Semporna juga terpaksa ditunda pelaksanaannya buat sementara waktu. Pelaksanaan akan kita harap dapat diteruskan apabila peruntukan diperolehi.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari kesulitan penduduk-penduduk yang tinggal di pulau tersebut apabila ada pesakit untuk dibawa ke Hospital Semporna yang jauhnya daripada Bum-Bum Selatan ialah lebih kurang 15 batu dan jikalau air surut, air menjadi kering dan terpaksa berjalan 7 batu ke laut?

Yang kedua soalan saya, adakah Yang Berhormat sedar dan mengetahui bahawa kerana kekurangan wad-wad di Hospital Semporna itu menjadikan pesakit-pesakit dikeluarkan sebelum ianya

sembuh. Bolehkah Yang Berhormat menyiasat perkara tersebut dan bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri dapat membuatkan lawatan ke negeri Sabah dan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta bertanya, bukan minta mereka pergi melawat.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Ini pertanyaan saya, bolehkah Yang Berhormat dapat melawat ke kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sabah ini termasuk ke Pulau Bum-Bum dan Daerah Semporna?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa perhubungan di antara Pulau Bum-Bum dengan Tanah Besar di Sabah adalah satu masalah khasnya apabila berlaku musim cuaca yang tidak baik. Tetapi jawapannya kalau untuk mengadakan hospital, di Pulau Bum-Bum pula yang tidak dapat ditetakkan sebagai satu keutamaan. Jadi, apa yang kita usahakan adalah untuk membaiki perkhidmatan di pulau itu sejajar dengan keadaan ekonomi kita dan keupayaan kita.

Mengenai Hospital Daerah di Semporna, memang saya sedar bahawa hospital itu adalah satu hospital yang sesak. Hospital ini dibina sejak negara sudah merdeka — tahun 1970 dan mempunyai 60 buah katil. Kegunaannya adalah lebih daripada 85%. Keadaan ini berlaku kerana selain daripada penduduknya 70,000 di Daerah Semporna, kita mempunyai kegunaan hospital ini secara kadar yang besar oleh pendatang-pendatang haram. Satu perkara yang kita tidak dapat mengawal atau mengawasi, tetapi kita akan cuba menambah kepada wad-wad di hospital, membina sebuah Jabatan Pesakit Luar dan sebagainya apabila kita memperolehi peruntukan.

PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI

12. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara sehingga akhir September, 1987;
- (b) bilangan unit rumah yang terlibat dalam projek terbengkalai ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah projek perumahan yang terbengkalai bagi melindungi pembeli-pembeli rumah yang terlibat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga akhir September 1987, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti 172 projek perumahan swasta yang terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia.
- (b) bilangan unit rumah yang terlibat dalam projek terbengkalai ialah 30,405 unit kesemuanya.
- (c) untuk mengatasi masalah projek terbengkalai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun menubuhkan satu unit khas untuk mengkaji serta menyelesaikan masalah-masalah projek terbengkalai di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, unit khas ini mengandungi 2 pasukan pegawai-pegawai Penguatkuasa dan pegawai-pegawai teknikal. 2 pasukan ini ialah bagi

kawasan utara iaitu negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dan satu lagi bagi kawasan selatan iaitu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh unit ini ialah:

- (i) mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil bagi memutihkan projek;
- (ii) meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli-pembeli;
- (iii) meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli-pembeli sekiranya perlu;
- (iv) membuat kajian kemungkinan atau, dengan izin, feasibility study, ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan;
- (v) mengadakan perbincangan dengan pihak bank dan institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat;
- (vi) mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang; dan
- (vii) pada akhirnya mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja kerja binaan setelah projek dipulihkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dari 172 skim perumahan yang terbengkalai, apakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk menghidupkan semula projek-projek yang terbengkalai dan sehingga hari

ini berapakah projek yang dapat dihidupkan semula? Di samping itu juga saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauhmana Persatuan Pemaju Perumahan dapat memainkan peranannya untuk membantu pihak Kementerian menghidupkan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan mengenai usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian, saya telahpun jawab bagi soalan asal iaitu langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan projek-projek yang terbengkalai.

Untuk menjawab soalan berkenaan dengan berapakah jumlah projek yang dapat dipulih, sukalah saya menjelaskan bahawa daripada jumlah 172 projek yang dikenalpasti sebagai projek terbengkalai, sebanyak 15 buah projek telah siap dan CFO (Sijil Kelayakan Menduduki) telahpun diperolehi dan 8 buah projek lagi telahpun siap dan masih menunggu Sijil Kelayakan Menduduki. Sebanyak 19 projek pembinaan sedang berjalan di atas projek-projek yang pada mutanya telah dikenalpasti sebagai terbengkalai. Sebanyak 15 projek telahpun disedia untuk dipulih dan sebanyak 18 projek kajian kemungkinan atau kewangan dan teknikal telahpun dijalankan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Banyak sekali projek-projek perumahan yang terbengkalai dan adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa banyak di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menempah rumah-rumah dari projek-projek perumahan itu dan kebanyakannya gaji mereka telah dipotong, hingga sekarang ini mereka tidak dapat masuk ke rumah dan

membayar sewa untuk tinggal di rumah-rumah yang lain. Apakah langkah-langkah khas mengenai ini telah, sedang dan akan diambil?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kita sedar bahawa dalam projek-projek yang terbengkalai yang dikenalpasti oleh Kementerian iaitu dalam 172 projek yang terbengkalai, kita terdapat pembeli-pembeli daripada kalangan kakitangan Kerajaan dan juga ada pembeli-pembeli daripada sektor swasta dan sebagainya. Semuanya yang menjadi pembeli adalah mereka yang telah membuat penempahan untuk membeli rumah dan semua yang terlibat baik pegawai-pegawai Kerajaan mahupun mereka daripada sektor swasta atau mereka yang menjalankan perniagaan sendiri telahpun mengalami ataupun memikul beban atas pembayaran yang dibuat pada tiap-tiap bulan. Oleh kerana itu kita memandangkan serius terhadap masalah ini, kita telahpun mengambil beberapa langkah untuk memulihkan projek-projek yang dapat dikenalpasti sebagai feasible. Kalau projek-projek yang tidak dikenalpasti sebagai feasible atau tidak dapat dipulih oleh Kementerian maka selepas itu kita akan mengambil tindakan-tindakan mengikut undang-undang terhadap pemaju-pemaju yang telah membawa masalah ini. Seperti saya menjawab tadi, kita telah ambil langkah-langkah beberapa projek telahpun dipulihkan ataupun dalam usaha dipulih sekarang.

PENKALAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DI LUMUT

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Pengkalan Tentera Laut Di-Raja Malaysia di Lumut yang menelan perbelanjaan sebanyak \$575 juta itu memikul juga tanggungjawab tugas-tugas perdagangan dan sama ada

tugas-tugas ini, jika benar, selaras dengan tujuan/objektif asal pembinaan pengkalan tersebut; jika tidak, mengapa. Sama ada sebarang kapal terbang Laut di Malaysia diperbaiki di limbungan kapal lain di Malaysia atau di Singapura. Sila nyatakan peratusan jenis pembaikan ini serta jelaskan sebab-sebab kapal-kapal tersebut diperbaiki di limbungan kapal di Lumut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, objektif utama pembinaan Pengkalan Tentera Di-Raja Lumut adalah untuk dijadikan sebagai pengkalan utama bagi mengawal operasi kapal-kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia di seluruh perairan Semenanjung Malaysia serta memberi bantuan logistik dan teknikal kepada kapal-kapal TLDM.

Manakala peranan utama limbungan TLDM di Lumut ialah untuk memberi bantuan teknikal yang maksima terhadap kapal-kapal TLDM dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pembaikan kapal-kapal tersebut ke tahap yang sempurna melalui penyelenggaraan, pembinaan baru dan kerja-kerja kejuruteraan am.

Memandangkan pembinaan pengkalan TLDM ini adalah khusus untuk kepentingan TLDM, maka Limbungan TLDM yang ada di Pangkalan tersebut tidak menjalankan aktiviti pembaikan untuk kapal-kapal dagang dengan tujuan perdagangan. Pada dasarnya keutamaan fungsi Limbungan TLDM Lumut adalah untuk memberi perkhidmatan pembaikan kepada semua kapal-kapal TLDM, tetapi memandangkan kepada beban dan keupayaan limbungan ini maka terdapat juga kapal-kapal TLDM yang dihantar ke limbungan swasta untuk pembaikan dan senggaraan. Peratusan pembaikan kapal-kapal TLDM di Limbungan

TLDM Lumut dan limbungan swasta adalah seperti berikut:

		<i>Limbungan TLDM Lumut</i>	<i>Limbungan Swasta</i>
1985	..	70.2%	29.8%
1986	..	81.8%	18.2%

PENGANGGURAN DI KALANGAIN BELIA

14. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan jangka panjang Kementerian dalam mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia terutama sekali bekas penagih dadah yang telah menjalani program pemulihan supaya mereka tidak kembali menjadi penagih. Adakah Menteri Belia dan Sukan sedar bahawa ramai yang kembali menjadi penagih setelah menjalani program pemulihan kerana gagal memulakan hidup baru disebabkan kurang perhatian serta bantuan dari pihak yang berkuasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan Latihan Vokasional dan Kemahiran Keusahawanan seperti di Dusun Tua, Pertak, Terengganu dan Ipoh adalah merupakan rancangan jangka panjang ke arah mengatasi pengangguran belia yang dianggarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Kepada belia-belia yang tidak berpeluang untuk mengikuti latihan vokasional secara formal, Kementerian juga menganjurkan kursus latihan sambil bekerja dan kursus tidak formal di persatuan masing-masing yang telah dikenalpasti.

Selain dari itu adalah menjadi hasrat kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan Bengkel

Teknologi Desa yang mana dapat memainkan peranannya sebagai institusi keusahawanan dalam bidang agro-base. Dengan latihan-latihan kemahiran yang telah dipelajari, Kementerian menggalakkan belia-belia berkenaan untuk memperdagangkan kemahirannya melalui projek-projek Belia Niaga, Rancangan Peniaga Kecil yang dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan atau lain-lam agensi yang ada.

Saya sedar tentang adanya belia-belia yang telah pulih dari Penagihan Satahgunaan Najis Dadah telah menjadi penagih semula. Keadaan ini bukanlah tidak ada bimbingan atau kurang perhatian dari pihak berkuasa tetapi unsur sikap bekas penagih yang negatif, kelemahan daya fikiran dan daya faham serta sikap masyarakat dari ibu bapa yang prejudis terhadap bekas penagih adalah juga membawa gejala ke arah mereka menagih semula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat makluman terbaharu bahawa bekas-bekas penagih yang menagih semula ini bukan atas kehendak sendiri, tetapi adalah tekanan daripada pengedar-pengedar yang memberi berbagai-bagai ugutan supaya mereka terus membeli dadah. Jadi soalan saya, mungkin Yang Berhormat telahpun berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri, adakah tahanan 2 tahun di Pusat Serenti itu mencukupi untuk mereka melupakan peristiwa yang lepas?

Yang keduanya, apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil bekas-bekas penagih-penagih ini ditempatkan di tempat-tempat lain daripada perkampungan mereka, daripada suasana mereka terlibat dengan dadah tersebut. Sebagai contohnya terdapat bekas-bekas penagih yang secara sukarela masuk balik sebab takut dengan

pedegar-pedegar yang sentiasa memberi ugutan kepada mereka.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian tahanan dua tahun itu sudah boleh bagi seseorang penagih itu melupakan peristiwa-peristiwa lama, tetapi adanya kegiatan-kegiatan yang boleh menghubungkan semula dan mengingatkan semula di dalam masyarakat seperti tekanan.

Sebagaimana Yang Berhormat kata tadi daripada pedegar yang memungkinkan mereka itu menagih semula, jadi Kementerian setakat ini berusaha untuk menjauhkan bekas-bekas penagih ini daripada menerima tekanan atau apa-apa jua yang boleh membawa mereka ini ke pangkuan dadah semula.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat tadi bahawa beberapa rancangan telah dijalankan untuk menentukan supaya mereka tidak kembali ke pangkuan dadah lagi. Sejauh mana kajian telah dibuat untuk menentukan supaya rancangan-rancangan ini berkesan ataupun sejauhmana keberkesanan rancangan-rancangan yang telah dibuat.

Yang keduanya merujuk kepada apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi, adakah pihak Kementerian membuat satu jangka masa dan mengumpulkan penagih dadah ini, mungkin kalau mereka terlibat, mereka ditempatkan di satu tempat selama 2 tahun kemudian dikumpulkan satu kumpulan lagi yang mungkin lebih baik daripada yang sedia ada, ditempatkan di tempat lain peringkat demi peringkat supaya dapat diasingkan dan dapat diteliti akan cara-cara untuk memperbaiki mereka?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, tentang keberkesanan

itu kita tidak dapat memberi dengan secara pasti, tetapi keyakinan kita kalau mereka ini mengikuti peraturan-peraturan yang sudah digariskan insya Allah keberkesanan itu akan kita perolehi.

Mengenal kerja mengumpul ini Kementerian cuma boleh memberi kerjasama. Sebenarnya kerja-kerja ini adalah dibuat oleh PEMADAM dan agensi-agensi yang relevant dengannya.

KILANG GAS ASLI CECAIR DI BINTULU

15. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan keupayaan Kilang LNG di Bintulu mengeluarkan gas cecair asli setakat ini dan nyatakan jumlah pengeluaran semenjak 1983 dan jumlah pendapatan; adakah Kerajaan Pusat bercadang supaya ekuiti negeri Sarawak ditambah daripada 5% kepada 10%. Apakah langkah-langkah yang diambil supaya pasaran bagi gas cecair asli kita tidak tergantung kepada Jepun sahaja. Adakah Kerajaan membuat perjanjian menjual kepada lain negeri, jika ya, apakah kandungan perjanjian ini. Nyatakan jumlah pekerja-pekerja di MLNG dan berapakah pekerja-pekerja dari Sarawak mengikut kategori seperti kerani, pegawai dan pengurusan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, Kilang Gas Asli Cecair Malaysia Sdn. Bhd. (MNLG) di Bintulu, Sarawak, berkeupayaan mengeluarkan 6 juta tan metrik gas asli cecair setahun. Keupayaan kilang MNLG ini boleh ditingkatkan untuk mengeluarkan tambahan sebanyak 1.4 juta tan metrik setahun melalui proses "debottlenecking", dengan izin. Jumlah pengeluaran kilang MNLG

semenjak tahun 1983 hingga 30 September, 1987 ialah 18.63 juta tan metrik dengan pendapatan sebanyak \$10.06 ribu juta.

Buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menambahkan ekuiti Kerajaan Negeri Sarawak daripada 5% kepada 10%.

Dengan kemungkinan tambahan pengeluaran gas asli cecair dari kilang MNLG ini, pihak syarikat pada masa ini sedang mengadakan rundingan dengan bakal-bakal pembeli dari Taiwan dan Korea Selatan dan juga lain-lain pembeli di negara Jepun untuk membeli tambahan pengeluaran yang dicadangkan ini. Buat masa ini pihak MNLG belum lagi menandatangani perjanjian baru dengan bakal-bakal pembeli ini dari negara-negara tersebut di atas untuk penjualan gas asli cecair kepada mereka.

Jumlah bilangan pekerja di kilang MNLG pada 30 September, 1987, ialah seramai 647 orang dan 577 adalah daripada rakyat Sarawak. Pecahan perkeja-pekerja rakyat Sarawak mengikut kategori pekerjaan adalah seperti berikut:

<i>Kategori Pekerjaan</i>	<i>Bilangan</i>	<i>% Daripada Jumlah Pekerja</i>
Eksekutif ..	67 orang	52%
Penyeliaan ..	71 orang	95%
Pekeranian ..	102 orang	100%
Teknikal ..	253 orang	100%
Pekerja Pakaian Seragam	84 orang	100%
Jumlah ..	577 orang	89%

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berpandu kepada keupayaan pengeluaran maksima oleh kilang LNG di Bintulu ini, saya ingin tahu berapa lamakah kilang ini dapat mengeluarkan gas cecair asli ini sehingga kehabisan bekalan di Bintulu ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pengeluaran gas cecair ini adalah satu bahan yang memberi pulangan yang lumayan kepada negara, adakah pihak Kerajaan membuat ujian-ujian seismic di tempat-tempat lain untuk mencari sumber-sumber baru bagi gas cecair asli ini, kalau di mana dan apakah potensinya?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian di antara MNLG dengan kompeni-kompeni daripada Jepun kita berkeupayaan mengeluarkan selama 20 tahun. Walaupun demikian rizab gas di Bintulu adakah melebihi daripada 20 tahun, rizabnya boleh dicapai selama lebih kurang 90 tahun.

Untuk pertanyaan yang kedua, setakat ini kita mempunyai rizab gas yang lebih banyak daripada rizab petroleum, dengan izin, dan pihak PETRONAS sedang berbincang dengan kompeni-kompeni lain untuk mengenalpasti beberapa tempat di mana gas terdapat lebih lumayan daripada apa yang ada sekarang ini dan kita percaya daripada penemuan-penemuan yang baru ini nanti hayat gas cecair kita di Malaysia ini akan melebihi daripada 100 tahun daripada yang dianggap sebelum ini.

PROJEK KEMAS DI SERAWAK

16. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- apakah projek yang dijalankan oleh KEMAS semenjak ia ditubuhkan sila beri keterangan yang lanjut untuk Negeri Sarawak; dan
- berapakah jumlah kewangan yang diperuntukkan kepada KEMAS untuk projek pembangunan bagi Negeri Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):
Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Projek-projek yang dijalankan oleh KEMAS semenjak ia ditubuhkan ialah:
- (i) Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK);
 - (ii) Ekonomi Rumahtangga (ERT);
 - (iii) Rancangan Pedoman Tugasan (RPT);
 - (iv) Kumpulan Latihan Kerja (KLK);
 - (v) Rancangan Desa Usaha (RDU);
 - (vi) Khutubkhanah Desa (KKD);
 - (vii) Kumpulan Agama Islam (KIA).

Semua projek berkenaan dilaksanakan di Negeri Sarawak kecuali aktiviti Kumpulan Agama Islam ataupun KIA.

- (b) Bagi tahun 1987 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memperuntukkan sejumlah \$222,850 kepada KEMAS untuk projek pembangunan Negeri Sarawak, iaitu 5.7% daripada peruntukan pembangunan KEMAS.

Bagi Negeri Sarawak peruntukan pembangunan tahun 1986 ialah \$237,500 dan anggaran bagi tahun 1988 ialah \$163,600. Peruntukan pembangunan KEMAS keseluruhannya bagi tahun 1986 ialah \$5,767,040 dan anggaran bagi tahun 1988 ialah \$6 juta.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Setiausaha Parlimen

Kementerian, ada beberapa program yang dijalankan oleh pihak Kementerian KEMAS ini yang dari segi ekonomiknya tidak begitu memuaskan, misalnya program mengajar orang membuat kueh dan kueh yang dibuat itu mahal. Jadi ini membebankan yang terlibat dalam program ini yang diajar. Jadi, ini salah satu contoh saya beri. Jadi kadang-kadang terpaksa orang yang terlibat itu mengumpul duit, menjual padi dan sebagainya yang telah pun ketandusan untuk membeli bahan-bahan buat kueh secara barat. Jadi, adakah diteliti akan program-program ini supaya apa yang dibuat itu lebih ekonomik dan lebih memberi keuntungan kepada peserta-peserta KEMAS ini.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya permohonan untuk mengadakan kelas-kelas ini adalah lebih daripada yang kita mampu untuk mengadakannya. Jadi, apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa kelas itu tidak ekonomik, kemungkinan tidaklah menyeluruh. Mungkin ada tempat yang spesifik sahaja yang didapati tidak ekonomi tetapi pada keseluruhannya sambutannya adalah baik jika diukur daripada kemampuan kita untuk mengadakan kelas-kelas itu.

HISTERIA BAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH

17. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan atas perhatian awam oleh bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman bahawa disebabkan oleh terlalu banyak tekanan ke atas pengajian agama dan kurangnya riadah telah menyebabkan sebahagian dari pelajar-pelajar di sekolah-sekolah agama mengalami "histeria", apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi membendung wabak ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada laporan yang diterima mengenai murid-murid di sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pendidikan yang diserang "histeria".

Sebenarnya kes histeria yang dilaporkan oleh akhbar baru-baru ini berlaku di sekolah agama yang bukan di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mencegah perkara ini berlaku di sekolah-sekolah. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah seperti berikut:

- (a) meminta pihak sekolah mengadakan berbagai jenis kegiatan ko-kurikulum serta menggalakkan semua murid-murid mengambil bahagian.
- (b) meminta pihak sekolah menempatkan murid-murid di asrama dalam keadaan selesa, dan selamat serta mewujudkan suasana yang tenteram dan mengembirakan untuk murid-murid.
- (c) menubuhkan sistem 'mentor' di mana guru-guru diminta menjadi ibu atau bapa angkat kepada murid-murid khusus untuk menjaga kebajikan dan membantu mengatasi masalah-masalah peribadi di kalangan murid-murid.
- (d) meminta pihak sekolah mempertingkatkan kegiatan kaunseling untuk memberi perkhidmatan yang berkenaan kepada murid-murid.

Kementerian Pendidikan sedia memberikan nasihat-nasihat dan panduan mengenai perkara ini kepada sekolah-sekolah yang bukan di bawah pentadbirannya sekiranya diperlukan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan mencadangkan satu penyiasatan untuk menentukan punca, asal kenapa masalah histeria ini berlaku dalam sekolah-sekolah tertentu, memandangkan bahawa masalah ini amat misteri. Contohnya, kenapa murid-murid gadis muda terlibat dan tidak ada murid-murid lelaki terlibat. Adakah benar masalah ini bukan masalah peribadi tetapi masalah yang melibatkan ramai murid buat satu masa yang sama. Kenapa ini berlaku, adakah bomoh-bomoh dirundingkan ataupun suatu penyiasatan saintifik dijalankan untuk menentukan punca, asalnya, adakah ini dibuat?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat di mana siasatan dikehendaki dan diperlukan, Kementerian Pendidikan memang sentiasalah menolong untuk menyiasat punca-punca ini, tetapi keadaan histeria ini berbagai faktor terlibat dalam menjadi punca-punca kejadian ini. Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat adakah siasatan yang lain dibuat, kerana Yang Berhormat ingin maklumat itu, saya difahamkan bahawa banyaklah siasatan dari segi saintifik dan akademik telah dibuat dari segi kejadian ini di dalam masyarakat kita.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah dimaklumkan tadi bahawa perkara ini berlaku ialah di sekolah swasta, bukan sekolah Kerajaan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa peristiwa ini berlaku di sebabkan keadaan sekolah, kewangan sekolah yang tidak cukup hingga menyusahkan dan merumitkan murid-murid di sekolah itu, tempat tinggal tidak sempurna, makanan tidak sempurna, guru-guru juga tidak sempurna, maka adakah pihak Yang Berhormat bercadang untuk

menambahkan peruntukan-peruntukan dan bantuan grant kepada sekolah agama rakyat di seluruh negara supaya peristiwa-peristiwa yang sama tidak berlaku di tempat-tempat yang lain. Terima kasih.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, bahawa memang kita meanggapkan bahawa banyak faktor yang telah dilibatkan menjadi satu punca terjadinya histeria ini di kalangan sekolah swasta. Memang benar juga perkara-perkara yang tersebut adalah menyumbang kepada kejadian-kejadian yang begini di sekolah-sekolah itu dan dari segi pihak Kementerian Pendidikan memang sentiasalah membantu di mana permohonan dan keperluan yang ada mengikut keadaan dan masa, dan bergantung kepada kemampuan dari segi kewangan.

BEKALAN BERAS KE SABAH

18. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa sejak bulan Februari dan Mac tahun ini dan lagi pada bulan Julai terdapat beras yang kurang bermutu (seperti stok lama, beras hancur, kekuningan dan bercampur dengan ulat) dijual di beberapa buah tempat di Pantai Barat Sabah; mengapakah demikian, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini dan sama ada benar bahawa beras Gred A2 yang terdapat di Sabah adalah lebih baik daripada beras Gred A2 keluaran tempatan yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, bekalan beras ke negeri Sabah adalah dari empat sumber iaitu:

- (1) lebih kurang 30% adalah beras tempatan keluaran negeri Sabah;

- (2) beras import yang diterima terus dari negara asalnya. Beras ini diimport oleh LPN adalah terjamin qualitinya;

- (3) beras yang dipindahkan oleh LPN dari Semenanjung pada masa-masa tertentu untuk memperbagaikan gred beras ke Sabah;

- (4) beras tempatan yang dipindahkan oleh pihak pemborong dari Semenanjung mengikut gred-gred beras yang diminta oleh pemborong atau pengguna di Sabah.

Pada keseluruhannya mutu beras yang dibekalkan oleh LPN di negeri Sabah adalah sama dengan mutu beras yang terdapat di Semenanjung. Beras-beras tempatan yang dipindahkan oleh LPN dari Semenanjung adalah beras yang baru dikisar.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan di atas, untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telahpun dibangkitkan semasa lawatan Pengerusi dan pegawai-pegawai LPN ke negeri Sabah pada tahun ini, mereka telah mencuba beras yang dimaksudkan itu dan didapati tiada perbezaan rasa dengan beras yang terdapat di Semenanjung. Mungkin citarasa orang di Sabah adalah lain daripada di Semenanjung.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan bahawa sebahagian besar keperluan beras negara banyak bergantung kepada pengimportan dari luar negeri khususnya daripada Thailand. Jadi, apakah rancangan Kerajaan untuk menentukan bahawa pada masa-masa yang akan datang negara kita tidak bergantung sepenuhnya kepada pengimportan beras-beras daripada luar negeri ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asal tetapi saya cuba menjawabnya.

Pada masa sekarang dasar Kementerian Pertanian ialah membekalkan beras tempatan hanya 65% sahaja dan 45% diimport. Sebab itu harga yang kita dapat dari beras tempatan adalah \$1.32 sekilo tetapi beras yang diimport dari Thailand hanya 60 sen sahaja dan beras yang kita import dari Thailand kita memberikan satu subsidi untuk beras tempatan dan dasar ini dilanjutkan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan mungkin citarasa orang Sabah lain daripada orang Semenanjung. Jadi, kalau begitu mungkin Ahli Yang Berhormat dari Sabah yang makan di kedai-kedai di Semenanjung tidak boleh menerima makanan tetapi mereka boleh terima. Adakah kemungkinan akan jatuhnya qualiti beras-beras yang dihantar ke Sarawak dan Sabah ini, mungkin ke Sarawak juga disebabkan oleh pengangkutan yang begitu kerap dan juga hubungan begitu jauh dan sebagainya. Kalau ada kemungkinan, apakah langkah-langkah yang ditentukan oleh pihak Kementerian untuk menjamin akan pengangkutan yang licin dan lancar bagi beras-beras ini ke Sabah dan Sarawak supaya qualitinya tetap terjamin.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, pihak LPN ada menyiasat beras yang dihantar ke Sabah dan Sarawak dan dalam pemeriksaan ini sama ada lulus atau tidak lulus; kalau qualitinya diluluskan, memanglah beras itu boleh masuk ke Sabah dan ke Sarawak. Itu adalah satu kawatan di Sabah di Sarawak. Itulah yang kita janjikan qualiti beras yang dipindahkan ke Sabah dan ke Sarawak tidak kurang qualiti dengan beras di Semenanjung. Tetapi mungkin apa yang saya sebutkan tadi separuh beras yang dihantar ke Sabah dan Sarawak oleh pihak pemborong dan ini adalah

terdiri dari sektor swasta, kita tidak kawal. Mungkin separuh beras yang diadukan oleh Yang Berhormat itu ialah beras yang dibekal oleh pemborong.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 1, 3, 4, 5, 7, dan 19 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).

KOMPLEKS MINI SUKAN

1. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Belia dan Sukan menjelaskan benarkah pihak Kementeriannya bercadang untuk membina sebuah Kompleks Mini Sukan di Daerah Kecil Lenggong. Jika benar, bilakah projek itu akan dilaksanakan dan jika tidak mengapa.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Setakat ini tidak ada di dalam Perancangan Malaysia Kelima untuk membina sebuah Kompleks Mini Sukan di Daerah Kecil Lenggong kerana kemelesetan ekonomi.

TANAH TERBIAR DI KEDAH

3. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapa luas tanah-tanah terbiar yang telah diusahakan oleh berbagai agensi Kerajaan dalam memajukan tanah pertanian di Kedah; dan
- (b) mengapa KEDA tidak pun membuat sebarang kemajuan dalam daerah Yan bagi kawasan luar MADA bagi kepentingan petani-petani. Apakah rancangan KEDA bagi daerah tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):

- (a) Kawasan tanah-tanah terbiar yang telah diusahakan oleh berbagai agensi Kerajaan di dalam Negeri Kedah adalah dianggarkan seluas 5,159 hektar.
- (b) Buat sementara waktu ini KEDA sedang memberikan tumpuan lebih kepada kawasan-kawasan pendalaman dan terpencil seperti Daerah-daerah Baling, Sik, Langkawi dan Padang Terap, di mana insiden kemiskinan adalah lebih tinggi dan kritikal. Jika dibandingkan, tahap pembangunan dan kesejahteraan hidup di Daerah Yan adalah lebih maju dari daerah-daerah terpencil yang disebutkan tadi. Namun demikian, terdapat juga beberapa projek yang sedang dirancang dilaksanakan di dalam Daerah Yan, khususnya di Singkir Darat di bawah program pembangunan Pusat Pertubuhan Desa, yang meliputi projek-projek jalan, perparitan, rumah, rumah kedai, Dewan Orang ramai, perhentian bas dan perhentian teksi. Walau bagaimanapun, oleh kerana kekurangan peruntukan, projek-projek ini terpaksa dikaji semula atau ditangguhkan.

**INDUSTRI TEMPATAN
MENGELUARKAN SISA
MERBAHAYA**

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghendakkan pertubuhan-pertubuhan industri tempatan yang mengeluarkan sisa-sisa merbahaya

supaya melengkapkan kemudahan-kemudahan loji sisa dan sama ada skedul peraturan sisa-sisa yang telah menjadi akta di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar telah dikuatkuasakan. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979, semua industri dikehendaki mematuhi standard-standard yang ditetapkan bagi pelepasan buangan-buangan perindustrian. Di dalam mematuhi kehendak ini, industri-industri telah mengadakan loji pengolahan masing-masing di mana buangan-buangan ini diolah. Proses pengolahan mengasingkan kandungan sisa-sisa toksik di dalam buangan yang diolah dan memendapkannya di bawah tangki-tangki loji pengolahan. Sisa-sisa ini pula perlulah diproses menjadikannya tidak toksik sebelum dilupuskan ke atas tanah. Di samping itu, terdapat beberapa jenis sisa-sisa perindustrian lain yang tidak boleh diolah di dalam loji-loji pengolahan yang dimaksudkan. Sisa-sisa ini perlu dikendalikan dengan cara lain seperti guna semula, pembakaran dan cara-cara lain yang selamat.

Satu peraturan baru sedang dirangka bagi mengawal sisa-sisa dari tangki loji pengolahan dan sisa-sisa perindustrian yang tidak boleh diolah di dalam loji-loji pengolahan buangan perindustrian yang disebutkan di atas tadi. Lebih 50 kategori sisa dari lebih 40 jenis industri telah dikenalpasti untuk dijadualkan. Penyediaan peraturan ini perlu dibuat dengan teliti supaya semua aspek pengurusan, pengolahan dan pelulusan sisa-sisa secara sempurna dapat dipastikan. Kemudahan-kemudahan bagi mengendalikan sisa-sisa yang tidak boleh diolah di dalam loji-loji pengolahan yang ada sekarang belum

wujud. Dengan ketiadaan kemudahan ini, Peraturan sisa-sisa Perindustrian sukar dikuatkuasakan sepenuhnya.

RANCANGAN PARIT DAN TALIAIR SEMENANJUNG SEBANGAN-SEBUYU

5. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: minta Menteri Pertanian menyatakan:

- la)* bilakah Rancangan Parit dan Taliair di kawasan Semenanjung Sebangon-Sebuyu mula dilaksanakan dan bilakah tarikh siapnya;
- (b)* berapakah anggaran kos projek tersebut dan kepada siapakah kontrak itu diberi. Adakah beliau sedar akan perlunya projek ini di laksanakan kerana kebun-kebun kelapa, koko dan padi petani-petani kita sentiasa dimusnahkan oleh air masin; dan
- (c)* sama ada beliau sedar bahawa kebelakangan ini akibat dari kelalaian para kontraktor di kawasan parit di taliair Semera/Asajaya, banyak kebun-kabun kelapa, koko dan lain-lain kepunyaan orang-orang kampung musnah oleh air masin. Kalau sedar sudahkah Kementerian beliau menyelesaikan masalah itu supaya orang-orang kampung diberi ganti rugi dan kerja-kerja dipercepatkan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a)* Rancangan Parit dan Taliair Kawasan Semenanjung Sebangon-Sebuyu mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke Lima (RML) dan dijadual untuk disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ke Enam (RME).

- (b)* Anggaran kos projek tersebut ialah \$41.0 juta. Kementerian Pertanian sedar akan keperluan projek ini dan peruntukan telahpun diberi di bawah RML untuk memulakan pelaksanaan projek berkenaan. Kerja-kerja kontrak akan ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Parit dan Taliair Negeri Sarawak.

- (c)* Kementerian Pertanian sedar mengenai tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh petani-petani di kawasan Semera/Asajaya yang mengalami kemusnahan tanaman-tanaman. Perkara ini telah disiasat oleh satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Simunjan. Hasil daripada siasatan tersebut Jawatankuasa berkenaan memutuskan wang ganti rugi sejumlah \$104,970 di bayar kepada 24 orang petani yang terlibat dan perkara ini telahpun diselesaikan.

YURAN PEPERIKSAAN UPSR

7. Tuan Chua Jui Ming minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a)* sama ada beliau sedar bahawa yuran peperiksaan yang dikenakan selaras dengan pelaksanaan KBSR, UPSR akan diperkenalkan;
- (b)* adakah yuran peperiksaan yang dikenakan itu lebih tinggi daripada kadar lama;
- (c)* jika ya, apakah pertambahan dan mengapa yuran dinaikkan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk Maklumat ahli Yang berhormat:

- (a)* Kementerian Pendidikan sedar bahawa yuran peperiksaan yang

dikenakan kepada UPSR adalah selaras dengan pelaksanaan KBSR.

- (b) Yuran yang akan dikenakan bagi UPSR adalah lebih tinggi daripada kadar yang dikenakan bagi PPDL.
- (c) Yuran PPDL ialah \$1.00 bagi seorang calon dan soalan-soalan peperiksaan ini hanya berbentuk objektif yang pemeriksaannya dibuat oleh komputer sahaja. Yuran UPSR ialah \$5.00 bagi seorang calon. Yuran ini terpaksa dinaikkan kerana peperiksaan ini mengandungi dua komponen bentuk soalan iaitu soalan-soalan bentuk objektif untuk Bahasa Malaysia, Ingeris, Cina dan Tamil dan soalan-soalan yang memerlukan jawapan bertulis serta ujian lisan dan bacaan untuk Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil. Kos pengendalian UPSR juga bertambah kerana terpaksa memenuhi keperluan ujian-ujian tambahan ini terutama dari segi pembinaan kertas peperiksaan penulisan, lisan dan bacaan (selain daripada kertas objektif), keperluan latihan untuk pemeriksa, keperluan peralatan dan kemudahan-kemudahan yang berkenaan.

AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN

19. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) perkara-perkara yang akan dicadangkan untuk mengkaji kembali Akta Pelajaran 1961; dan
- (b) bagaimana pindaan tersebut akan menghapuskan polarisasi

bangsa di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk maktuman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada perkara-perkara tertentu sahaja.

Kementerian Pendidikan menyedari terdapat beberapa kekurangan dalam Akta Pelajaran 1961 yang digubal kira-kira 26 tahun lalu kerana timbulnya perkembangan-perkembangan baru dan keperluan-keperluan semasa dalam bidang pendidikan. Oleh kerana itu kajian ini bertujuan untuk memperkemas dan memperkukuhkan Akta tersebut supaya semangat dan hasrat Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk memupuk perpaduan dapat dipertahankan.

POLARISASI KAUM

20. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk menghapuskan masalah polarisasi kaum supaya teras perpaduan negara tidak akan dijejas dengan lanjut.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Terlebih dahulu ingin saya menyatakan bahawa terlalu umum bagi kita untuk mengetahui bahawa wujudnya polarisasi kaum dalam etikata yang sebenarnya. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa menentukan supaya perpaduan antara kaum tidak terjejas dengan ketaranya dengan menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan untuk bergaul dan berinteraksi di dalam kegiatan sosial, membantu pertubuhan sosial sejian bagi memupuk semangat kejiranan yang teguh, mengadakan program

sivik dengan penekanan kepada semangat taat setia dan patriotisma serta menghormati lambang-lambang kebangsaan.

Di samping itu, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara juga mengadakan program pendidikan prasekolah dan pendidikan tidak formal dengan menggunakan satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan juga memberi penerangan mengenai adat resam antara kaum serta pengetahuan asas tentang dasar-dasar negara. Ini merupakan aspek penggalakan perpaduan.

Selain dari langkah di dalam aspek penggalakan, langkah di dalam aspek pencegahan juga dilaksanakan seperti memerhati dan mengesan suasana perhubungan antara kaum dan agama dan bertindak untuk menyelesaikan pertikaian atau perselisihan faham yang bercorak perkauman. Di dalam aspek ini faktor-faktor yang membawa kepada perpecahan akan dicegah dan faktor-faktor ke arah penyatuan akan dipupuk.

Di antara langkah yang akan diambil ialah usaha untuk memberi pertakrifan mengenai perpaduan kerana lanya sering ditafsirkan dengan berbagai tafsiran oleh berbagai golongan. Ketahaman pengertian konsep perpaduan adalah amat penting supaya salah tanggapan maksud perpaduan dapat dielakkan.

KURSUS VOKASIONAL/ PERNIAGAAN BAGI PELAJAR- PELAJAR

21. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa salah satu sebab berleluasanya pengangguran dalam negara ini adalah kerana kebanyakan belia lepasan sekolah tidak mempunyai asas/kemahiran

vokasional dan asas perniagaan. Jika sedar;

- (a) adakah Kementerian Pendidikan akan mewajibkan setiap murid sekolah menengah mahupun rendah mengambil kursus vokasional/perniagaan dalam ko-kurikulum; dan
- (b) apakah usaha Kementerian dalam mendorong murid-murid terutamanya yang lemah dalam pelajaran akademik supaya cenderung dalam bidang vokasional dan perniagaan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengangguran dalam negara ini adalah berpunca dari berbagai sebab yang tertentu, walaupun di kalangan mereka yang menganggur memang ada belia lepasan sekolah yang tidak mempunyai kemahiran vokasional.

- (a) Kementerian Pendidikan memang sedar pentingnya memberi latihan vokasional kepada pelajar-pelajar dan telah menambah bilangan sekolah menengah vokasional yang menyediakan kursus-kursus dalam berbagai bidang pekerjaan. Pelajar di sekolah menengah rendah sekarang juga diwajibkan memilih salah satu dari empat matapelajaran pravokasional iaitu seni perusahaan, perdagangan, pertanian atau sains rumahtangga. Tujuan mata-pelajaran-matapelajaran ini ialah untuk mendedahkan kepada pelajar-pelajar pengetahuan mengenai alam pekerjaan dan juga untuk membolehkan mereka membuat pilihan dengan wajar untuk kursus vokasional di Sekolah Menengah Vokasional nanti.
- (b) Pelajar yang lemah dalam pelajaran akademik tidak akan

dapat mengikut pelajaran vokasional oleh kerana pelajaran vokasional juga memerlukan penguasaan bahasa, matematik dan sains. Walau bagaimanapun, di bawah sistem baru pelajaran vokasional sekarang, pelajar sekolah menengah vokasional yang lemah dalam pelajaran akademik boleh membuat pilihan pada tahun yang kedua untuk mengikut aliran latihan kemahiran yang memberi tumpuan kepada kerja amali, dan menduduki peperiksaan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (L.L.P.P.K.K.). Pelajar yang lain akan terus mengikut aliran pendidikan vokasional dan mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) (SPM (V)).

PERIKANAN DI LAUT DALAM

22. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini apakah pencapaian-pencapaian di dalam usaha Kerajaan membangunkan sektor perikanan laut dalam (deep sea fishing). Apakah justifikasi ekonomi yang mendorongkan usahasama dengan Thailand di dalam hal ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Pencapaian-pencapaian di dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor perikanan di laut dalam ialah Kerajaan telah meluluskan sejumlah 356 unit lesen menangkap ikan bagi bot bermuatan 70 GRT dan ke atas untuk beroperasi di perairan itu. Dari jumlah ini 96 unit sedang beroperasi dan ini tidak termasuk 94 unit lama yang mana sedang beroperasi sejak dahulu lagi. Dari segi pemasaran pula beberapa buah negara (termasuk

Thailand) telah sanggup membeli ikan-ikan yang hendak dieksport. Telah menjadi dasar Kerajaan ketika ini bahawa syarikat tempatan hendaklah memiliki sepenuhnya bot-bot asing yang hendak digunakan untuk perusahaan penangkapan ikan di laut dalam. Kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan usahasama perikanan dengan mana-mana negara asing ketika ini. Walau bagaimanapun, kerjasama dari negara asing di dalam bidang tersebut seperti pemasangan ikan, pertukaran kepakaran dan pemindahan teknologi sedang dijalankan.

KES ROGOL

23. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapakah kes-kes rogol telah dilaporkan kepada pihak polis seluruh Malaysia mulai 1-1-1987 sehingga 30-9-1987;
- (ii) berapakah mangsa-mangsa rogol telah dibunuh oleh pihak yang merogol;
- (iii) berapakah kes-kes rogol melibatkan mangsa-mangsa yang berusia kurang dari 18 tahun
- (iv) berapakah kes-kes rogol itu telah dibawa ke mahkamah dan berapakah orang perogol telah didapati salah; dan
- (v) apakah tindakan telah diambil oleh pihak polis untuk mengawalkan kes-kes rogol yang kian meningkat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KAMPUNG BARU DALAM PEMBANGUNAN

24. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan nama-nama 48 Kampung Baru yang telah dikenalpasti sebagai kampung-kampung baru yang akan dapat keutamaan dalam pembangunan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Buat masa ini, senarai 48 Kampung Baru tidak dapat diumumkan oleh kerana ianya masih tertakluk kepada perubahan-perubahan tertentu.

Bagi makluman Yang Berhormat, pada tahun 1986 Kerajaan telah menjalankan satu kajian ke atas Kampung-kampung Baru. Hasil kajian ini telah menunjukkan 48 buah Kampung Baru yang mempunyai potensi dan didapati sesuai dibangunkan mengikut strategi pembangunan tertentu. Untuk melaksanakan cadangan kajian di atas peruntukan kewangan sebanyak \$240 juta hendaklah diperolehi daripada Perbendaharaan terlebih dahulu.

Cadangan-cadangan pembangunan Kampung-kampung Baru tersebut akan ditimbang oleh Kerajaan setelah keadaan ekonomi negara menjadi lebih kukuh lagi. Walau bagaimanapun pembangunan-semula Kampung-kampung Baru di seluruh Malaysia merupakan satu proses yang berterusan.

SYARIKAT DEWAN PUSTAKA ISLAM

25. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah benar Kementerianya telah memberitahu kontrek pembekalan buku kepada Syarikat Dewan Pustaka Islam. Atas dasar apakah Syarikat itu ditawarkan, berapakah jumlah

kontreknya dan berapa lama. Siapakah pemegang-pemegang saham Dewan Pustaka Islam.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah memberikan kontrek pembekalan buku teks kepada Syarikat Dewan Pustaka Islam. Walau bagaimanapun syarikat ini ada berdaftar dengan Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan.

KONSEP HOSPITAL NUCLEUS

26. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) adakah Kementerianya bercadang membina hospital-hospital mengikut rekabentuk "nucleus design" di masa akan datang; dan
- (ii) apakah perbezaannya di antara rekabentuk hospital yang sedia ada dalam negeri kita sekarang dengan rekabentuk "nucleus design".

Dato' K. Pathmanaban:

- (i) Konsep "Hospital Nucleus" adalah suatu pendekatan yang telah lama wujud bagi perancangan dan rekabentuk hospital di U.K. Rekabentuk ini sedang dikaji oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagaimanapun, setakat ini Kementerian Kesihatan belum memutuskan untuk membina hospital-hospital berdasarkan rekabentuk ini.
- (ii) Rekabentuk "nucleus" mempunyai beberapa komponen hospital:
 - (a) Jabatan Klinikal diatur di dalam module bentuk pelan "cruciform" atau bersilang dalam masa semua jabatan klinikal dapat dirancang.

- (b) Jabatan Perkhidmatan dan Bekalan (Service & Supplies) adalah dalam bentuk "rectangular" untuk menampung keperluan jabatan-jabatan ini.
- (c) Jalan perhubungan dari tempat ke tempat adalah menerusi koridors-koridors yang telah disambung ke tangga dan ke "lift" untuk setiap peringkat atau "level" bangunan.

Pelan Pembangunan bagi projek ini mengandungi beberapa module berbentuk "cruciform" yang boleh didirikan tanpa menunggu perancangan terperinci bagi tiap-tiap jabatan yang hendak direkabentuk.

PERJANJIAN PERKAPALAN MALAYSIA-CHINA

27. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan satu perjanjian perkapalan antara Malaysia dengan China akhir-akhirnya dapat ditandatangani baru-baru ini, walaupun rundingannya telah dimulai sejak tahun 1981, oleh yang demikian, minta Menteri Pengangkutan menyata:

- (a) benarkah perjanjian tersebut menghadapi pelbagai halangan; jika benar, apakah sebab dan puncanya;
- (b) sejauh manakah perjanjian itu dapat membawa menafaat kepada kedua-dua pihak.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Ingin saya maklumkan di sini bahawa rundingan perjanjian perkapalan, seperti perjanjian-perjanjian lain juga adalah merupakan hasil rundingan di antara kedua pihak untuk mencapai persetujuan ke atas segala peruntukan yang terdapat

dalam perjanjian itu. Biasanya rundingan perjanjian dengan sebuah negara yang mempunyai sistem ekonomi dan pentadbiran yang berbeza daripada negara kita. Perjanjian perkapalan biasanya mempunyai 19 peruntukan dan tiap-tiap peruntukan itu perlu dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan inilah yang mengambil masa untuk persetujuan dicapai. Jadi rundingan perjanjian perkapalan dengan Negeri China telah menghadapi berbagai masalah biasa dan ianya telah mengambil masa untuk menyelesaikannya.

Kerajaan dengan menandatangani perjanjian ini telah menyediakan satu infrastruktur yang penting untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala di antara Malaysia dan Negeri China. Perjanjian ini sendirinya tidaklah dapat memberi apa-apa munafaat cara langsung kepada kedua-dua belah pihak. Kejayaan dan keberkesanannya adalah bergantung kepada syarikat-syarikat swasta yang mengendalikan perkapalan dan perdagangan di antara kedua-dua buah negara. Dengan adanya perjanjian ini dan dengan usaha giat pihak swasta, saya percaya dan yakin bahawa perdagangan dua hala di antara Malaysia dan China akan bertambah dan ini akan memberi manfaat kedua-dua buah negara.

PENAGIH DADAH

28. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah nombor penagih-penagih dadah dalam negeri kita dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memulih mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah penagih dadah yang telah dikesan atau dikenalpasti dalam

tempoh 1970-1987 (sehingga bulan Ogos, 87) di negara ini ialah seramai 125,967 orang.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian saya untuk memulih mereka yang disahkan oleh pegawai perubatan sebagai penagih-penagih dadah, termasuk:

- (i) Menghantar mereka untuk menjalani rawatan detoksifikasi di hospital-hospital Kerajaan selama 1 hingga 2 minggu;
- (ii) Meletak mereka di bawah seliaan mandatori Pegawai Pemulihan selama 2 hingga 3 tahun;
- (iii) Menahan mereka di pusat-pusat pemulihan dadah untuk menjalani rawatan dan pemulihan selama 2 tahun serta berikutnya setelah dibebaskan dari pusat pemulihan mengikut jagaan lanjutan selama 2 tahun.
- (iv) Bagi mereka yang masih berada dalam jagaan lanjutan, jika menagih semula, dihantar semula menjalani rawatan dalam pusat pemulihan selama 6 bulan lagi.

Selain dari langkah-langkah di atas, Kementerian saya sedang membina lebih banyak Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan Pusat-pusat Jagaan Lanjutan di seluruh Negara, untuk menampung kemasukan lebih ramai penagih-penagih dadah. Sekarang ini cuma terdapat 7 buah Pusat Pemulihan Dadah dengan muatan 2,050 orang. Manakala 7 buah Pusat Pemulihan baru sedang berada dalam peringkat akhir pembinaan dan dijangka dapat beroperasi tidak berapa lama lagi. Di samping itu, 3 buah Pusat Jagaan Lanjutan sedang juga berada dalam peringkat akhir pembinaan, sebagai tambahan kepada

sebuah yang sedang beroperasi di jalan Syers, Kuala Lumpur.

Kementerian saya juga telah mengenalpasti beberapa kawasan/ bangunan untuk dijadikan Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan Pusat-pusat Jagaan Lanjutan.

Sebagai usaha meningkatkan penglibatan dan penyertaan aktif orangramai dalam kegiatan-kegiatan pemulihan dadah, Kementerian saya telah menubuhkan sejumlah 107 buah Jawatankuasa pemulihan Dadah di seluruh Negara, menjalankan tugas-tugas bimbingan secara sukarela ke atas bekas-bekas penagih serta membantu usaha-usaha Pegawai Pemulihan.

Dengan semua langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian saya, adalah dijangka program pemulihan penagih-penagih dadah akan berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH

29. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Luar Negeri menyatakan pelaburan-pelaburan dan jumlah pelaburan berikutan lawatan Perdana Menteri ke Eropah baru-baru ini dan jumlah belanja yang terlibat dalam membuat tawatan itu.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 12 Oktober, 1987 apabila menjawab soalan Ahli yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Keempat*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Maksud B.14, B.15 dan B.16 (Jadual)—

Maksud P.14 dan P.16 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

3.36 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya menyambung perbincangan saya pada hari Jumaat yang lepas berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu B.14 dan P.14, mukasurat 50, berhubung dengan Projek-projek di Kawasan Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana peruntukan yang telah diberi \$4.5 juta. Apa yang saya mengharapkan kepada pihak Penguasa-penguasa Tempatan yang sekarang irri boleh kita

lihat di Semenanjung yang mana kita lihat di pekan-pekan atau di kawasan-kawasan Tempatan ini masih lagi keadaannya tidak terkawal sungguhpun peruntukan-peruntukan telah dibuat tiap-tiap tahun oleh pihak Kerajaan Pusat, terutama tempat-tempat riadah ataupun rekreasi yang mana tidak disediakan lebih banyak. Sungguhpun di kawasan-kawasan tersebut banyak kawasan-kawasan lapang tetapt ini tidak dibuat bagi menyenangkan ataupun memberi kesenangan kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut untuk membawa anak-anak mereka bersiar-siar pada petang hari ataupun di masa-masa lapang.

Dalam masalah projek-projek ini juga, saya mengharapkan supaya pihak Penguasa-penguasa ini, lebih-lebih lagi sekarang ini banyak kaum bumiputera yang berkecimpung di dalam segi perniagaan kontraktor dan seterusnya kadangkala mereka ini payah untuk mendapatkan kerja-kerja sama ada potong rumput dan sebagainya. Hanya kadangkala apa yang kita dengar dimonopoli oleh satu-satu golongan sahaja. Oleh itu, dalam keadaan bagi memberi kemudahan ataupun rekreasi kepada orang ramai kadang-kala tergendat dibuat oleh Penguasa-penguasa Tempatan ini. Dalam masalah ini kita mengharapkan Lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semalam berucap semasa membuka kem Scouts di Rawang dan juga kita baca dalam suratkhbar hari ini supaya rakyat dalam negara ini dapat kekayaan sama rata. Oleh itu maka kita harapkan taburan dapat diberi kepada kontraktor-kontraktor kecil di kawasan projek-projek yang telah diperuntukkan ini tidak diberi begitu sahaja kepada satu-satu pihak.

Dalam soal yang lain, saya juga mendapat tahu di kawasan-kawasan Majlis-majlis Tempatan dan Bandaran berhubung dengan projek-projek iaitu

tempat letak kereta yang mana tempat letak kereta ini juga menjadi tandatanya, ada kawasan-kawasan itu diperuntukkan atau menghadkan hanya empat atau lima kontraktor sahaja, lain orang tidak boleh. Apa yang kita tahu dalam empat lima itu adalah golongan orang yang sama, yang mengadakan syarikat berlainan nama tetapi dipunyai oleh orang yang sama. Dalam masalah ini kita mengharapkan pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini menyiasat. Jika perkara ini berlaku berpanjangan masalah untuk mencari pekerjaan dan sebagainya akan tergendala. Sungguhpun pihak Kerajaan beria-ia hendak menolong tetapi ada satu golongan yang tamak dan kemungkinan untuk sesuatu kepentingan mereka sendiri.

Sekarang saya masuk berhubung dengan Butiran 01500, mukasurat 57 berhubung dengan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Soal ini memang telah ditanya tiap-tiap kali dalam soal-jawab mulut, pihak Menteri sebentar tadi telah menjawab berhubung dengan rumah kos rendah ini telahpun diperuntukkan sebanyak \$85,580,000. Mengikut peruntukan budget tahun dahulu kita berkehendakkan sekurang-kurangnya 80,000 unit rumah akan disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dalam soal ini, kita mengharapkan juga supaya benar-benar projek ini berjalan dengan lancar kerana pihak, lebih-lebih lagi penduduk-penduduk ataupun orang-orang yang berpendapatan kecil dan miskin yang sentiasa menunggu-nunggu untuk mendapatkan rumah tempat kediaman mereka, lebih-lebih lagi di pekan-pekan besar di Semenanjung Malaysia ini yang begitu banyak setinggalan-setinggalan yang berselerak, yang mereka ini berkeadaan azab dan sengsara, takut banjir, kebakaran yang berlaku.

Dalam masalah ini, kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini supaya menyekat sedikit penguasa-penguasa perumahan ini, kadangkala mereka ini begitu tamak untuk mendapatkan wang lebih, mereka ini tidak mendirikan rumah-rumah kos rendah, kadangkala mereka ini berpusing-pusing mengatakan itu dan sebagainya. Oleh itu, kita mengharapkan supaya ini benar-benar pihak Kerajaan memperuntukkan tiap-tiap projek itu dimestikan, sebagaimana yang saya sebutkan yang berlaku di Brickfields pada ucapan saya yang lalu.

Oleh kerana Tuan Pengerusi pun telah mengingatkan supaya memberikan tempat-tempat yang benar, tidak memanjangkan, saya ambil langkah-langkah sahaja dan saya pergi ke muka surat 61 berhubung dengan B.15 Perancang Pelan-pelan Pembangunan. Ini juga khususnya di Kuala Lumpur kita melihat kadangkala perancangan pelan-pelan pembangunan ini yang dibuat oleh Unit Town Planning kadangkala orang ramai melihat tidak sesuai perancangan-perancangan yang dibuat, lebih-lebih lagi apabila hendak membuat perumahan dan sebagainya, tempat-tempat itu di tepi jalan, kadangkala rumah-rumah mereka itu tepi jalanraya yang mana kemungkinan pihak Kerajaan pada satu masa akan hendak meluaskan jalan ataupun buat longkang dan seterusnya. Dengan adanya perancangan-perancangan ini, pihak-pihak pemaju perumahan telahpun menyediakan rumah mereka, dengan keadaan itu tiba pula pihak perancang untuk buat jalan, membesarkan jalan, tanah tidak ada lagi. Sebab-sebabnya adalah perancangan ini tidak teratur pada awalnya, banyak yang berlaku di Kuala Lumpur ini.

Kadangkala telah siap semua bangunan itu, barulah pihak

perancang hendak membuat jalan dan seterusnya terpaksa kaki lima pun tak ada lagi kerana perancangan pelan ini tidak betul yang dilakukan oleh pihak-pihak perancangan. Kemungkinan mereka ini membuat pelan-pelan ini tidak menyelidik di kawasan-kawasan tersebut, hanya mereka ini melihat pela ataupun pelan-pelan yang sedia ada diuruskan oleh pihak-pihak yang berkenaan, itu sahaja diluluskan; setelah sedia, ini menjadikan masalah kepada pihak-pihak perancangan.

Dalam soal yang lain, mukasurat 62, B.16 Operasi Melawan Kebakaran berjumlah \$57.4 juta.

Di Kuala Lumpur ini khasnya, kebakaran berlaku setiap masa, satu tahun kadang-kadang 4-5 kali di kawasan saya sendiri. Yang anihnya operasi melawan kebakaran ini ada juga masalah yang timbul, tempat-tempat itu apa yang saya dapat tahu sengaja dibakar oleh pihak-pihak yang ada mempunyai tanah persendirian yang diduduki oleh pihak-pihak setinggan. Oleh kerana mereka ini tidak sanggup, tidak ada tempat, tidak dapat untuk memindahkan mereka, mereka ini cari satu sindiket untuk membakarnya. Ini saya rasa pihak Polis pun tahu, sebab masalah ini berlaku baru-baru ini di kawasan saya, batu 4 $\frac{1}{2}$, Jalan Kelang Lama, 5 buah rumah keluarga terbakar di atas tanah persendirian. Apabila terbakar pada malam itu, pagi esok telahpun datang kontraktor cuba membawa lori untuk membersihkan kawasan itu.

Masalah ini belum diselesaikan lagi oleh pihak Polis, tetapi mereka itu telahpun bersedia hendak mendirikan rumah semula. Oleh itu, saya berjumpa dengan pihak berkenaan yang punya tanah tersebut, apa sebab kamu buat terlampau lekas sangat, pada hal orang ini belum kita hendak selesaikan lagi? Dia kata, bukan saya, ini kontraktor sudah cuba hendak

buat. Rumah ini saya dapat sekian-sekian dan sebagainya. Oleh itu, dalam hal ini saya nampak ada masalah, ada sindiket, ada muslihat yang dijalankan. Inilah perkara-perkara yang berlaku supaya dapat pihak Bomba dan juga pihak Kementerian mencari jalan, masalah-masalah yang seumpama ini tidak berlaku dan menyusahkan kepada rakyat miskin yang duduk di kawasan itu, iaitu di kawasan Jalan Kelang Lama ini setiap tahun dua kali mesti terbakar di kawasan tersebut oleh kerana tanah di kawasan itu lebih kurang ada 30 ekar tanah persendirian yang diduduki penuh oleh setinggan-setinggan kaum Cina sendiri dan sedikit kaum India.

Dalam soal kebakaran dan juga latihan ini dan pihak Bomba, saya sebutkan juga hari itu, Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak ada kena-mengena dengan pili bomba yang mana perkara-perkara ini juga berlaku selalu kerana pihak Bomba tidak dapat mencari pili-pili bomba ini untuk mencari air apabila berlaku kebakaran. Dengan keadaan itu, dengan serta-merta mencari kawasan itu, kadangkala dapat sungai, dapatlah airnya sedikit dan kadang-kadang lombong yang berdekatan, jikalau tidak kebakaran itu tidak dapat diselamatkan dengan seberapa segera yang boleh.

Begitu juga dengan balai-balai Bomba yang ada sekarang ini yang kita hhat, khasnya di seluruh negara kita ini banyak balai-balai Bomba yang telah lama, kereta-keretanya pun boleh dikatakan hanya berkilat-kilat tetapi kemungkinan yang disapu, digosok tiap-tiap hari oleh pegawai-pegawai yang tidak bekerja tetapi bila hendak 'start' atau mulakan enginnya susah. Ini selalu terdapat oleh kerana kereta-kereta itu telah lama dan uzur yang tak boleh dipakai lagi. Sungguhpun peruntukan-peruntukan

telah diberi oleh pihak Kerajaan, saya mengharapkan supaya untuk menjaga keselamatan rakyat dalam negara kita ini, peruntukan-peruntukan ini dapat diadakan.

Saya mencadangkan oleh kerana perkara-perkara ini berlaku di kawasan-kawasan kampung supaya pihak Bomba dapat bekerjasama dengan penduduk-penduduk kampung, khasnya ketua-ketua kampung dapat bekerjasama bagi mengajar mereka ini, lebih-lebih lagi di kawasan sesak, umpamanya di kawasan-kawasan setinggan menjaga apabila berlaku kebakaran dapat mereka itu bersama menolong mengatasi kebakaran-kebakaran yang berlaku ini supaya dapat latihan kepada penduduk-penduduk atau belia-belia tempatan tersebut, apabila berlaku kebakaran dapat segera menyelamatkan hartabenda dan kebakaran tidak merebak di kawasan lain.

Pandangan-pandangan saya yang lain berhubung dengan Bomba ini juga, kita masih melihat lagi balai-balai Bomba ini yang ada di tepi-tepi jalan. Maklum sahajalah keadaan sekarang ini kenderaan begitu banyak, terutamanya kita lihat Balai Bomba yang ada di Jalan Hang Tuah itu. Pada satu hari saya melihat keadaan kereta Bomba hendak keluar daripada kawasan itu begitu susah kerana Bulatan Edinborough yang ada di depan Dewan Bahasa dan Pustaka itu penuh oleh kenderaan-kenderaan dan sungguhpun kereta Bomba membunyikan loceng, tetapi kereta-kereta tidak dapat bergerak, kerana begitu banyaknya kenderaan-kenderaan. Oleh itu saya mengharapkan supaya balai-balai Bomba di masa akan datang supaya dapat dijauhkan di kawasan-kawasan yang boleh kereta-kereta ini dapat keluar dengan seberapa segera untuk menyelamatkan apabila kebakaran, oleh kerana kebakaran ini dalam masa

sekian minit atau dua minit sahaja pun kalau dapat lekas, dapat kita menyelamatkan beberapa buah kedai ataupun kawasan-kawasan yang lain.

Tuan Pengerusi, setakat itulah sahaja pandangan saya berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Sekian terima. kasih

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dari Bukit Bintang.

3.50 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh satu dua perkara dalam perbincangan saya atas muka surat 62 Maksud B. 16, Butiran 03000 Pencegah Kebakaran. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan satu-dua masalah dan di samping itu untuk menyampaikan beberapa cadangan untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Bomba bagi tujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan bomba di dalam memadamkan kebakaran yang sentiasa berlaku di dalam Wilayah Persekutuan.

Saya berpendapat bahawa keperluan untuk memperbaiki perkhidmatan pencegahan kebakaran dalam Wilayah Persekutuan amat penting apabila Jabatan Perkhidmatan Bomba Wilayah Persekutuan terpaksa mengendalikan sebanyak lebih kurang 120 kejadian kebakaran pada kiraan purata setiap bulan.

Jabatan Perkhidmatan Bomba Wilayah Persekutuan menghadapi berbagai masalah di dalam memadamkan kebakaran khususnya dalam sebuah bandaraya yang begitu pesat dengan pembangunan. Masalah-masalah ini termasuklah kesesakan lalulintas, tekanan air yang rendah dan alat mencegah kebakaran yang tidak mencukupi. Daripada semua masalah

ini yang serius sekali ialah tekanan air yang rendah, dengan izin, low water pressure, oleh kerana ia merupakan satu halangan kepada pekerja bomba untuk menjalankan tugas mereka.

Untuk mengatasi masalah ini, saya suka mencadangkan beberapa perkara-perkara seperti berikut:

- (i) mengenalpasti tempat-tempat strategik dalam pelbagai tempat di Bandaraya yang mana Pihakberkuasa Perancang Dewan Bandaraya membenarkan satu tapak disediakan untuk menempatkan sebuah kereta bomba dan satu pasukan pencegah kebakaran bagi mengendalikan mana-mana kejadian kebakaran di kawasan sekitarnya. Pasukan bomba ini akan mula-mula sampai ke tempat kejadian bagi memadamkan kebakaran sambil memanggil lain-lain pasukan bomba supaya membantu. Jika cadangan ini boleh dilaksanakan, ia akan membantu mengurangkan kos sebagaimana diakui bahawa pada masa sekarang keadaan ekonomi kita tidak mengizinkan bagi membina lebih banyak balai bomba.
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Bomba dalam Wilayah Persekutuan hendaklah mempunyai satu pasukan petugas khas dikenali sebagai Pasukan Gerak Khas (PGK) yang dilengkapi dengan alat-alat pencegahan kebakaran yang terbaru bagi memadamkan kebakaran semasa kecemasan. PGK ini hendaklah diberikan latihan khas dan pakar-pakar asing bolehlah dijemput ke sini bagi melatih mereka tentang cara macam mana tugas mereka dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- (iii) Kerajaan hendaklah mencari kemungkinan menggunakan air dari sumber-sumber lain bagi memadamkan kebakaran. Pada masa ini, Jabatan Bekalan Air hanya membekalkan air untuk penggunaan tempatan dan menggunakan air yang telah diproses untuk memadamkan api. Cara begini sangat mahal dan oleh itu Kerajaan hendaklah mengkaji untuk menggunakan air yang belum diproses seperti air sungai untuk memadamkan kebakaran.
- (iv) Jabatan Perkhidmatan Bomba hendaklah menghantarkan pegawai-pegawainya ke Jabatan Bekalan Air untuk dilatih bagaimana menyelaraskan tekanan air kerana semasa memadamkan kebakaran, tekanan air yang kuat amatlah diperlukan. Selepas dilatih, pegawai-pegawai bomba itu boleh mengikut kereta bomba ke tempat kejadian dan bukan lagi seperti amalan sekarang di mana Jabatan Perkhidmatan Bomba menelefon Jabatan Bekalan Air supaya menempatkan seorang pegawai bertugas ke tempat kejadian bagi mengatasi masalah tekanan air yang rendah. Ahli-ahli bomba sering menghadapi tekanan air yang rendah semasa memadamkan api yang besar dan menghadapi kesukahan untuk mengawal kebakaran pada masa yang singkat.
- (v) Satu lagi perkara penting yang perlu diambil berat ialah pili bomba. Sudah terdapat banyak kejadian di masa lalu tatkala kebakaran berlaku, ahli bomba menghadapi kesukahan untuk mencari pili

bomba ataupun mendapati pili bomba tersebut telah rosak dan tidak dapat digunakan. Jabatan Perkhidmatan Bomba mestilah memastikan bahawa mereka semua mengetahui pili bomba di setiap tempat dan ianya mestilah selalu diperiksa. Di dalam Wilayah Persekutuan sendiri terdapat lebih kurang 8,000 pili bomba yang mengandungi 1,000 pili bomba atas tanah dan 7,000 pili bomba lagi di bawah tanah. Memandangkan tenaga pekerja yang terhad, pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba hanya boleh menyelenggarakan satu pili bomba di setiap dua ke empat bulan. Saya suka mencadangkan bahawa Jabatan berkenaan hendaklah mencuba memeriksa pili bomba dengan lebih kerap lagi. Saya suka juga mencadangkan bahawa pertubuhan awam dan sivik memainkan peranan yang lebih aktif dalam skim anak angkat pili bomba supaya mereka boleh menyertai untuk menjaga pili bomba dan memberitahu Jabatan apakala mereka mendapati pili bomba itu tidak berada dalam keadaan yang baik. Pili bomba memainkan peranan yang penting dalam memadamkan kebakaran.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah di bawah muka surat 55 iaitu Maksud B.14 Butiran 010400, Urusetia Perundangan di Kementerian Perumahan. Di bawah tajuk butiran ini saya ingin menggesa Bahagian Urusetia Perundangan supaya mengambil langkah-langkah tertentu untuk mempercepatkan kajian ke atas pemaju perumahan yang ada sekarang dengan tujuan

supaya pindaan-pindaan tertentu boleh dibuat bagi memperkemaskan lagi Akta ini demi kepentingan pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah.

Pindaan-pindaan yang sudah disiapkan itu haruslah dibentangkan dalam Parlimen untuk perbahasan. Saya sentiasa menyatakan pendapat sejak beberapa tahun lalu bahawa Akta Pemaju Perumahan 1966 patut dikaji semula supaya pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab tidak berpeluang langsung untuk memperjudikan para pembeli rumah yang telah pun mengeluarkan wang simpanan mereka untuk membeli rumah dan dengan demikian mereka dapat dilindungi.

Saya merasa kesal kerana pindaan-pindaan ini masih belum diperkenalkan lagi sehingga kini meskipun Yang Berhonnat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan beberapa kali pada masa yang lalu untuk meminda Akta ini,

Jika Kerajaan masih melengah-lengahkan lagi pindaan ini, maka selama itulah para pemaju yang tidak bertanggungjawab masih berpeluang melepaskan diri mereka setelah melakukan penipuan ke atas para pembeli.

Oleh yang demikian, saya suka menggesa Kementerian supaya menyegerakan pindaan ini tanpa perlu melengah-lengahkannya lagi. Sekian, tehma kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kluang.

3.59 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang); Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 63, Maksud P.16 Butiran 00100 dan 00200.

Saya ingin menyentuh tentang Balai Bomba dan Bagunan dan Kereta-kereta Bomba dan kelengkapannya.

Tuan Pengerusi, bilangan harta dan nyawa yang telah hilang akibat kebakaran di dalam negara ini adalah sukar dikira. Kurang daripada satu bulan, selepas saya dilantik sebagai Wakil Rakyat saya telah melawat mangsa-mangsa kebakaran di dalam kawasan pilihanraya saya. Saya amat hairan dan terperanjat apabila mendapati bahawa di seluruh kawasan Kluang hanya mempunyai sebuah Stesen Bomba yang tunggal iaitu di Bandar Kluang, walaupun terdapat pertambahan penduduk yang pesat di Paloh tetapi masih tiada stesen api di situ.

Tuan Pengerusi, jika terdapat suatu kebakaran di bandar Paloh, kereta bomba terpaksa datang dari Kluang iaitu satu jam perjalanannya dari bandar Kluang ataupun satu jam dari Air Hitam. Penduduk di Paloh telah meminta agar sebuah Stesen Api dibina sejak dahulu. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan meninjau mengenai perkara ini dan saya juga harap Yang Berhormat Menteri akan memberi satu bahagian yang kecil daripada peruntukannya sebanyak \$6,850,000 itu untuk membina sebuah Balai Bomba dengan kelengkapannya.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, kita tidak boleh menanti untuk sesuatu malapetaka berlaku sebelum kita boleh bertindak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Seremban.

4.02 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya mahu bercakap di bawah Maksud Pembangunan, muka

surat 58, Butiran 05200 Rancangan Saluran Najis.

Tuan Pengerusi, Seremban adalah sebuah bandar yang agak tua dan pusat bandaraya mempunyai bangunan-bangunan yang berusia lebih dari 100 tahun. Walau bagaimanapun, penduduknya telah bertambah berlipat kali ganda dengan 100,000 orang di pusat bandar. Ini telah pun mewujudkan masalah yang serius terhadap masalah pembangunan manusia, dengan izin, sanitation. Walaupun terdapat beberapa bangunan yang telah memasang tangki septik, tetapi masalah pembuangan najis di bandar ini masih tidak memuaskan.

Sudah sampai masanya untuk memasangkan satu sistem saluran najis untuk seluruh bandar. Pada tahun 1987, terdapat peruntukan sebanyak \$7 juta untuk sistem saluran najis di Seremban, tetapi masih tidak ada bukti yang projek itu telah dijalankan atau dilaksanakan. Saya berharap pihak Kementerian akan menimbangkan perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan projek ini dijalankan dengan secepat mungkt.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 05400—Pembentungan Najis Port Dickson.

Peranan Port Dickson sebagai sebuah pusat pelancongan untuk menolong mengembangkan ekonomi negara adalah diakui dan terkenal. Tarikan utama Port Dickson adalah pantainya yang berpasir putih (white sand). Akan tetapi, pencemaran telah berlaku dari pertambahan bangunan, hotel dan kondominium di sepanjang pantai. Pembuangan air dan najis dilepaskan secara terus ke laut. Ini akan membahayakan kesihatan pelancong-pelancong yang mandi di laut. Oleh itu perlu diadakan satu sistem saluran najis untuk bandar Port Dickson dan sepanjang pantainya.

Anggaran untuk projek pembentungan najis di Port Dickson adalah sebanyak \$1.7 juta tetapi masih tidak ada peruntukan yang khusus untuk tahun 1988, yang bererti projek tersebut terpaksa ditangguhkan. Langkah ini adalah tidak bijak memandangkan masalah ini kian mendesak. Kami menyeru pihak Kementerian untuk melancarkan skim pembentungan najis untuk bandar Port Dickson dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B. 15—Jabatan Perancang Bandar dan Desa, butiran 020000 Perancangan Pelan-pelan Pembangunan.

Penebasan tanah, atau land clearing, dengan izin, Tuan Pengerusi, untuk kemajuan perumahan adalah merupakan perkara yang akan menyebabkan masalah alam sekitar dan sosial yang serius. Semenjak dekad yang lalu, Seremban dan lain-lain town juga telah mengalami masalah banjir selepas hujan lebat. Ini telah diakibatkan oleh penyelarasan projek di bukit-bukit sekeliling bandar yang telah menyumbatkan longkang-longkang di bandar mahupun yang besar dan yang kecil. Selepas hujan, jalan di bandar ini akan dipenuhi dengan lumpur dan bau busuk dari bahan-bahan yang gugur. Ia juga mengancam kesihatan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan rendah.

Berhubung dengan masalah ini, kami ingin menarik perhatian pihak Kementerian kepada masalah yang dihadapi oleh 50 keluarga yang tinggal di Jalan Tembak, Seremban. Mereka telah menjadi mangsa akibat penyelarasan projek perumahan yang dikendalikan oleh CUEPACS. Selepas hujan, rumah-rumah mereka akan ditenggelami air dan lumpur sedalam semeter. Ramai di antara mereka telah jatuh sakit akibat dari lumpur yang kotor itu. Seruan yang

berulang telah dibuat terhadap pemaju projek ini untuk memperbaiki keadaan, tetapi masih tidak ada tindakan penyelesaian yang memuaskan. Kami menyeru Kementerian untuk membantu mangsa-mangsa miskin serta keluarga mereka dalam perkara di atas.

Saya juga ingin menyeru Kementerian untuk menghentikan pihak pemaju dari menebas tanah secara diskriminasi. Penebasan tanah secara besar-besaran tanpa meninggalkan sedikit tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok akan mengakibatkan masalah pencemaran alam sekitar yang serius. Kita perlu mengadakan undang-undang penggalian dan penebasan tanah seperti membiarkan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan tumbuh dalam keadaan semula jadi. Hanya tanah-tanah untuk pembinaan rumah dan jalan perlu diterangkan. Ini bukan sahaja dapat memberi pemandangan yang cantik untuk projek perumahan tersebut tetapi ia akan mencegah dan mengurangkan hakisan tanah yang hebat.

Tindakan sepatutnya dikenakan terhadap pemaju yang tidak mematuhi undang-undang. Tindakan ini mungkin berat, tetapi kita telah mengalami kesan-kesan buruk alam sekitar dan ekologi seperti sungai tanpa ikan, padang-padang yang berlumpur. Sungai yang berlumpur jikalau tiada tindakan dibuat, ia akan mengakibatkan penghidupan yang buruk terhadap kehidupan manusia dan hidupan liar. Hidup kita tidak akan sama seperti dulu.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.16, Jabatan Perkhidmata Bomba, Butiran 030000 Pencegah Kebakaran.

Salah satu daripada punca kebakaran bangunan-bangunan adalah dari kawat-kawat elektrik, atau

dengan izin, electrical system yang tidak sempurna. Kebanyakan bangunan-bangunan di bandar—Kuala Lumpur, Seremban atau mana-mana juga—adalah agak tua, ada yang berusia 100 tahun. Oleh itu, sistem kawat-kawat elektrik tersebut mungkin tidak sempurna, Memandangkan orang ramai suka membeli alat-alat elektrik seperti peti sejuk, penyaman udara dan sebagainya, kebakaran akan berlaku dengan segera jikalau terdapat beban penggunaan seperti itu.

Untuk keselamatan penghuni bangunan-bangunan lama dan juga untuk keselamatan orang ramai, Jabatan Bomba patut menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis dari masa ke semasa untuk memastikan sistem kawat-kawat elektrik mereka berada dalam keadaan yang elok.

Tuan Pengerusi, berkenaan bangunan Dayabumi, setengah orang yang bertanggungjawab telah bimbang mengenai langkah-langkah keselamatan di bangunan Dayabumi, sekiranya sesuatu kebakaran berlaku. Menurut mereka, mungkin pemandangan luar bangunan Dayabumi itu cantik dari segi hiasan, tetapi bolehkah mereka melarikan diri melalui tingkap bangunan jikalau suatu kebakaran berlaku? Penyewa-penyewa bangunan mungkin akan menyelamatkan diri mereka melalui bumbung atau tingkat bawah bangunan melalui tangga rintangan api, atau fire-escape, dengan izin. Kami percaya bahawa tangga rintangan api adalah tidak mencukupi.

Saya merayu sekali lagi terhadap pihak Kementerian supaya mengambil perhatian terhadap laporan di atas serta mengadakan langkah-langkah keselamatan untuk pekerja-pekerja di bangunan tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.10ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong Belanjawan 1988 ini, saya ingin membangkitkan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi Maksud B.14, Butiran 030000, muka surat 56.

Tuan Pengerusi, apa yang saya nampak dan masalah ini selalu dibangkitkan oleh masyarakat terutama sekali penduduk di kawasan dalam Majlis Tempatan iaitu di antaranya ialah jalan-jalan yang berada dalam kawasan Majlis Tempatan tidak begitu sangat memuaskan. Ada jalan-jalan yang tidak pun ditar lagi dan ada juga jalan-jalan yang sudah ditar tetapi oleh kerana kenderaan-kenderaan berat yang muatannya lebih selalu menggunakan jalan-jalan itu dan kadang-kadang ditenggelami oleh banjir, maka jalan-jalan itu ditinggalkan begitu sahaja, Ini satu daripada sebab yang ditimbulkan oleh penduduk di kawasan Majlis Tempatan ataupun Kerajaan Tempatan.

Nombor dua, masalah bekalan air yang dibekalkan selalunya tidak mencukupi. Kadang-kadang menjadi masalah besar kepada penduduk di kawasan itu, terutama sekali di musim-musim kemarau kerana mereka sentiasa tidak mencukupi bekalan air.

Nombor tiga, ialah sampah-saraf yang selalu lambat dibuang sehinggakan kadang-kadang tong-tong yang disediakan penuh dengan sampah-sampah melimpah di luar-luar tong, kemudia sehinggakan sampah-sampah ini berbau busuk terutama sekali kepada mereka yang gudang-gudangnya atau kedai-kedainya berhampiran dengan tong-tong yang disediakan. Oleh sebab itu ianya banyak menimbulkan masalah-masalah kepada penduduk-penduduk di kawasan Kerajaan Tempatan.

Nombor empat, masalah tandas awam. Didapati tandas ini boleh dikatakan belum diwujudkan atau belum diadakan dalam Majlis tempatan atau Kerajaan Tempatan sehinggakan kadang-kadang menjadi masalah terutama sekali kepada pelawat-pelawat yang jauh, manakala mereka merasa hendak membuang air, maka sukar disebabkan tandas-tandas awam tidak dibekalkan dalam Majlis Tempatan.

Kelima, masalah longkang-longkang yang terkambus ataupun pecah-pecah, selalu airnya bertakung, kadang-kadang menjadi tempat nyamuk membiak, kadang-kadang inilah yang menjadi penyakit-penyakit yang sering berlaku kepada masyarakat dalam kawasan itu disebabkan airnya bertakung dengan sebab longkang-longkang tidak begitu selesa.

Keenam, ialah pasar dalam Majlis Tempatan sepatutnya diadakan musallah ataupun bilik-bilik sembahyang, kerana kadang-kadang terdapat kepada penjual-penjual sukar hendak menunaikan sembahyang kerana mereka tidak dapat hendak meninggalkan barang-barang jualan mereka, maka kadang-kadang mereka susah hendak mengambil masa meninggalkan barang mereka hendak pergi menunaikan sembahyang, terutama sekali sembahyang Zohor dan juga sembahyang 'Asar. Oleh kerana masatah ini adatah masalah yang mustahak, maka diharapkan kepada Kerajaan Tempatan atau Majlis Tempatan mengambil perhatian moga-moga masalah ini akan dapat diatasi.

Akhir sekali, masalah lampu-lampu di jalan-jalan juga. Kadang-kadang di lorong-lorong yang sempit, di selekoh-selekoh tidak ada lampu jalan. Kadang-kadang boleh jadi di tempat-tempat gelap itu ada budak-budak nakal yang berkumpul dan kadang-kadang boleh menyusahkan orang

ramai lalulintas. Kepada masalah ini juga diminta ambil perhatian.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah masatah kedai-kedai sewa yang dibuat oleh Kerajaan Tempatan. Projek-projek ini sepatutnya sebelum daripada dilaksanakan diharap membuat kajian yang lebih halus, kerana ada terdapat kedai-kedai atau gudang-gudang batu yang dibuat oleh Kerajaan Tempatan banyak terbiar disebabkan sewanya agak tinggi dan tidak sesuai dengan keadaan kawasan itu, maka gudang-gudang yang dibangunkan oleh Kerajaan Tempatan itu terbiar begitu sahaja. Juga cukai-cukai rumah atau cukai kedai ada juga menjadi masalah, menjadi hutang lapuk sehinggakan terbiar dan kadang-kadang menjadi sukar dan sulit untuk hendak memungutnya.

Itulah di antara masalah-masalah yang saya hendak bangkitkan di Dewan yang mulia ini supaya bagi pihak Kerajaan Tempatan mengambil perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh pula Maksud Pembangunan 16—Jabatan Perkhidmatan Bomba, Butiran 001000 iaitu masalah Balai Bomba dan Bangunan dan Butiran 00200—Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan, muka surat 63.

Tuan Pengerusi, memandangkan di masa akhir-akhir ini boleh dikatakan kerap benar berlaku kejadian kebakaran di ncgara kita, akibat daripada kebakaran ini, banyak harta-benda rakyat dan juga harta Kerajaan mengalami kerugian. Oleh itu diharapkan Kerajaan dapat mengkaji lagi di mana-mana kawasan yang patut diadakan Balai Bomba sesuai dengan pembangunan perumahan sekarang yang makin tahun makin meluas sedangkan kemungkinan Balai Bomba tidak begitu sangat ditambah, oleh itu sekiranya peruntukan itu telah pun ada, diharap disegerakan.

Sebagai satu contoh, di kawasan saya iaitu di Pekan Kecil Rantau Panjang, pada ingatan saya sudah pun sembilan kali berlaku kebakaran. Hampir-hampir boleh dikatakan setiap tahun berlaku kebakaran yang tidak dapat diatasi. Kali akhir sekali baru-baru ini, iaitu pada tanggal 8hb November, 1987, sekali lagi kebakaran berlaku yang melibatkan 29 buah rumah dan gudang perniagaan habis dijilat api. Kerugian ditaksirkan lebih kurang \$2 juta. Memandangkan keadaan yang begini, maka dimintalah bagi pihak Kerajaan memberi perhatian supaya dapat meluluskan peruntukan untuk Balai Bomba di Pekan Rantau Panjang yang termoden. Masalah tanah yang menjadi tapak bagi Balai Bomba di pekan itu tiada masalah lagi disebabkan di Pekan Rantau Panjang ada tanah Kerajaan yang masih kosong.

Tuan Pengerusi, masalah kereta bomba dan peralatan juga perlu ditambah dengan yang lebih moden lagi kerana kadang-kadang terdapat kekurangan kereta dan alat-alat pengepam air tidak baik, pancarannya tidak begitu kuat dan ada juga terdapat bekalan api dan pili-pili bomba tidak mencukupi. Dengan ini diharapkan kepada pihak Kerajaan akan dapat memberi perhatian yang serius demi untuk menjangakan kebakaran atau mengurangkan di masa-masa yang akan datang.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.27 *ptg.*

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 56, Maksud Bekalan 14, 030000, Kerajaan

Tempatan, Kod 4000, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan juga Maksud Pembangunan 14, Butiran 00200, Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, seperti diketahui umum, Penguasa-penguasa Tempatan memberi perkhidmatan yang diperlukan seperti mencuci longkang, membuang sampah dan najis dan menjaga taman-taman rekreasi kepada penduduk-penduduk tempatan.

Wakil-wakil Rakyat tentulah menghargai fungsi yang mereka mainkan. Hanya satu perkara sahaja yang saya ingin meminta Kerajaan berhati-hati, jangan membenarkan Penguasa-penguasa Tempatan begitu ghairah menaikkan cukai yang lama atau mengenakan cukai yang baru.

Tuan Pengerusi, seorang penduduk di negara Malaysia membayar berjenis-jenis dan bermacam-macam cukai kepada Kerajaan. Beban cukai yang dipikul kalau dibandingkan dengan keadaan di negara-negara membangun yang lain sudah cukup berat. Betul, sebahagian besar dari cukai itu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk cukai pendapatan, cukai syarikat, cukai jalan, cukai petrol, cukai jualan dan sebagainya, sebahagian kecil sahaja dibayar kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tetapi bagi seorang pembayar cukai sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan ia Kerajaan juga. Oleh yang demikian, sekiranya Kerajaan Tempatan tidak mempunyai perbelanjaan yang cukup, memohonlah grant daripada Kerajaan Persekutuan, jangan cukai pembayar cukai lagi, janganlah korek mereka lagi.

Saya tidak mahu sebutkan di mana Penguasa-penguasa Tempatan ghairah sangat mengutip cukai kerana saya

sedar bahawa mereka betul-betul memerlukan perbelanjaan tambahan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan memuaskan kepada penduduknya. Ingin saya menyeru kepada Kementerian Kerajaan Tempatan supaya membantu Penguasa-penguasa Tempatan yang menghadapi defisit kewangan untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan yang diperlukan daripada Perbendaharaan Persekutuan. Dengan ini, Tuan Pengerusi, Penguasa-penguasa Tempatan berkenaan tidak terpaksa membebankan penduduk-penduduk tempatan dengan pembayaran cukai tambahan.

Tuan Pengerusi, bukan semua penduduk-penduduk tempatan kaya. Sebenarnya kebanyakan penduduk-penduduk tempatan termasuklah penduduk-penduduk tempatan di Daerah Nibong Tebal berasal dari golongan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.25 *ptg.*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, dalam perbahasan untuk menimbangankan Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 ini saya akan menyentuh Maksud B. 14, Butiran 010000, Program 010500,
.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat berapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: . . . Perancangan dan Pembangunan, muka surat 55.

Tuan Pengerusi, apakah pembinaan 26,824 unit rumah kos rendah yang

dianggarkan diselenggarakan oleh sektor awam bagi tahun 1988 nanti suatu perancangan yang progresif adalah perkara yang perlu diberikan perhatian, tetapi nampaknya Kementerian ini telah mengambil langkah yang sebegitu berani kalau dibandingkan bagi tahun 1987 ini, dia hanya boleh menyiapkan sebanyak 5,911 unit sahaja.

Kalau dibandingkan pencapaian aktiviti perancangan dan pembangunan Kementerian Perumahan ini tahun 1987 itu adalah tahun yang paling tembab sekali dibandingkan dengan tahun 1986 yang telah menyiapkan sebanyak 9,645 unit rumah kos rendah di seluruh negara. Tetapi tahun 1987 ia cuma menyiapkan hampir separuh dari bilangan tahun lalu iaitu 5,911 unit sahaja. Bagaimanapun bolehlah dipuji bila ia menganggarkan untuk menyiapkan 26,824 unit. Saya percaya ia masih mampu memenuhi permintaan yang begitu ramai orang berkehendakkan rumah, tetapi sekurang-kurangnya perancangan ini adalah satu kemajuan yang sangat menggalakkan dibandingkan dengan tahun ini.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian ini, adakah ia sudah berpuas hati dengan kejayaan setakat ini. Adakah program dan tujuan aktiviti perancangan dan pembangunan di Kementerian ini sudah dapat melaksanakan apa yang menjadi dasarnya.

Saya agak hairan betapa bilangan rumah-rumah dan projek yang terbengkalai menjadi satu masalah di mana-mana juga dalam negara ini. Mengapa projek yang terbengkalai ini tidak pernah kurang. Saya tidak berhajat untuk menyalahkan mana-mana pihak bila ada projek yang terbengkalai, tetapi masalahnya perprojek yang terbengkalai ini mestilah tidak ditambah dari semasa ke semasa.

Apabila ada sesuatu projek yang terbengkalai maka Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang segera memastikan projek itu disiapkan. apa juga tindakan hendaklah difikirkan supaya kita tidak mahu apa yang sudah bermula itu terbiar. sesudah itu kita jangan bersedia untuk melihat adanya lain-lain projek yang gagal.

Kita hendaklah belajar dari perancangan Kerajaan Singapura. Mengapa tidak terdapat projek yang terbengkalai di Singapura dan mengapa Singapura yang mempunyai tanah yang terhad dan tentunya lebih mahal dari tanah di Malaysia dapat membekalkan rumah yang lebih cukup dah keperluan di Malaysia. Rumah yang disediakan di Singapura adalah dalam lingkungan harga yang mampu dibeli oleh rakyat Singapura. Sehingga ini saya tidak pasti apakah Kerajaan mempunyai dasar yang baik tentang perumahan ini. Adakah benar Kerajaan mahukan rakyat mempunyai rumah atau Kerajaan lebih suka melihat pemaju-pemaju perumahan menjadi orang-orang yang paling beruntung.

Harga rumah di Malaysia sepatutnya tidak terlalu tinggi. Negara ini selain daripada mempunyai kayu yang banyak, negara ini juga mengeluarkan simen yang berlebihan. Simen yang dikeluarkan lebih banyak dari yang diperlukan oleh negara ini sekarang. Berjuta-juta tan simen yang berlebihan yang tidak dapat dijual ke mana-mana sekarang. Oleh itu tidak wajar harga rumah dalam negeri ini terlalu tinggi, tetapi Kerajaan Barisan Nasional sudah dihanyutkan oleh dasar kapitalisma MCA yang menguasai sektor perumahan sejak dari zaman Tuanku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak. Kalau dasar perumahan gagal dan kalau harga rumah telah dieksploitasikan oleh pemaju adalah kerana sektor perumahan ditentukan oleh MCA.

MCA telah dijadikan Menteri Perumahan dari zaman Koh Kai Boh sehingga ini rancangan-rancangan perumahan di negara ini adalah direncanakan mengikut apa yang ditentukan oleh MCA, MCA adalah sebuah parti yang perkauman dan kapitalis.

Di dalam masyarakat Cina sendiri parti ini dikenali sebagai. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, butiran berapa ini?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Butiran yang sama.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Apa berkaitan dengan MCA?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad) Ini misalan sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Tak boleh, jangan sentuh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad): Tak boleh sentuh?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak boleh. Teruskan dengan yang lain.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad): Dasar membolot keuntungan yang sebanyak-banyaknya telah diselarikan menyebabkan berlaku aliran wang panas ke negara ini menyebabkan harga rumah melambung naik. Rumah yang harga \$25,000 naik hingga tiap-tiap bulan, dalam masa 3 ataupun 4 bulan rumah itu boleh naik sampai \$70,000. Ketika yang sama pemaju-pemaju atas alasan mencari untung yang besar telah melupakan rumah kos rendah tetapi rumah-rumah mewah dan rumah mahal itu tidak lagi mampu dibeli oleh orang miskin dan yang berpendapatan sederhana, Malah orang makan gaji yang berpendapat tetap pun agak cemas dan tidak mampu membeli

rumah. Akhirnya kebanyakan rumah yang dimiliki oleh orang yang berada, manakala golongan ataupun kaum-kaum miskin tidak dapat memiliki rumah. Bagi memastikan supaya Bumiputera dapat memiliki rumah Kerajaan membuat peruntukan 30% dari rumah-rumah dalam setiap projek ditentukan kepada bumiputera. Harganya direndahkan, quota 30% itu banyak yang tidak terjual atas 2 sebab:

- (i) Bumiputera tidak cukup pendapatan;
- (ii) Muslihat peniaga bagi mendapat untung lebih, dicampur dengan miislihat perkauman supaya politik memiliki rumah itu memberikan keuntungan politik kepada orang tertentu dan perjuangannya.

Pada ketika yang sangat mofif ingin melihat kegagalan Dasar ekonomi Baru supaya penyusunan semula masyarakat tidak berjaya, matlamat bumiputera memiliki sekurang-kurangnya 30% dari rumah-rumah di negeri ini tidak tercapai dan matlamat bumiputera muncul sebagai Ahli Perniagaan dari sudut pemaju perumahan juga sukar dicapai apabila antara mereka tidak mendapat bekatan pembinaan, khususnya di Pantai Timur.

Tuan Pengerusi, rumah-rumah yang diperuntukkan kepada bumiputera antaranya dibeli oleh bumiputera yang sedia menggunakan namanya dengan bayaran upah yang menggalakan, dan kemudahan rumah itu ditukarkan kononnya kepada bukan bumiputera kononnya namanya dijual atau apabila sekian lama tidak ada pembeli maka pemaju mengadu kepada Kerajaan, akhirnya Kerajaan terpaksa tunduk kepada keadaan membenarkan ia dibeli oleh sesiapa. Tetapi politik perkauman yang ada pada politik rumah tadi sememangnya mencari jalan supaya tidak ada rumah yang

boleh lepas ke tangan orang Melayu, misalnya, oleh kerana politik perkauman itu dipercayai telah digunakan sebaik-baiknya untuk membena rancangan perumahan yang sebanyak-banyaknya bagi membolehkan pengundi bukan Melayu bertambah dan demikian juga dalam jangka panjangnya boleh mengimbangi pengundi Melayu. UMNO dengan sendirinya tertarik dengan politik ini dengan harapan banyak kawasan yang pengundinya terdiri daripada 55% orang Melayu dan 45% bukan Melayu bagi kawasan seperti ini sukar bagi PAS untuk bertapak dan sukar bagi PAS untuk menang. UMNO.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, bukankah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat tidak boleh menyentuh perkara-perkara ini?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak boleh jugalah!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sudah ada pengalaman sekarang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaf Tuan Pengerusi, saya ini ikut jalan yang dilalui oleh UMNO, sebab UMNO.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau ada contoh begitu, itu contoh tidak baik.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebab UMNO kelim kabut dalam Dewan ini menyebutkan perkataan-perkataan seperti ini, saya cuma ikut sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila jangan menyentuh soal politik, teruskan dengan perkara yang penting, iaitu butiran-butiran yang ada di dalamnya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, Kerajaan memberi kemudahan kepada kakitangannya untuk membeli rumah dengan memberikan pinjaman. Pinjaman itu dinaikkan melihat harga rumah melambung, kerana kakitangan juga merasakan perlu memiliki rumah, akhirnya mereka meminjam untuk membeli rumah. Bila pinjaman diluluskan, harga rumah tinggi, Pegawai Kerajaan itu pun terpaksa membayar tinggi juga. Kebanyakannya menggunakan separuh atau lebih separuh dari gajinya untuk membayar ansuran rumah. Bila ini berlaku kakitangan mendapati mereka tidak cukup pendapatan.

Sekarang apabila ekonomi meleset, Pegawai Kerajaan mendapati rumah tadi menjadi beban. Bila mereka memiliki rumah, rumah itu terpaksa diubahsuai, ia memerlukan belanja, akhirnya bila ia menjadi beban rumah itu tidak laku untuk dijual, kakitangan Kerajaan adalah orang yang menderita. Sesudah menyedari masalah eksploitasi kaum modal dan perkauman itu Kerajaan hendaklah muncul dengan satu dasar perumahan yang tegas. Hari ini kita tidak tahu apakah dasar perumahan negara yang sebenarnya. Dalam dasar ini Kerajaan hendaklah mengawal perancangannya dengan saksama, jangan biarkan harga rumah dinaikkan mengikut mainan tukang peras. Kita jangan malu mempelajari dasar perumahan Singapura. Di Singapura tidak ada rancangan yang terbengkalai dan jangan dibenarkan ada kerja-kerja yang tidak siap. Singapura juga membenarkan rakyat membeli rumah dengan wang KWSP bagi mereka yang bekerja yang hendak membeli rumah. Caruman KWSP ini menjadi sandaran tetapnya kiranya mereka merasakan mereka hendak mendapatkan rumah ketika pencen nanti, maka wang KWSP itu cukup untuk harga rumah itu. Setakat ini nampaknya rakyat berbilang kaum di Singapura sudah

pun jelas dengan dasar perumahan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, 2 minit lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bagaimanapun kita menunggu bahawa rancangan rumah kos rendah ini dapat memberikan peluang kepada rakyat mendapat rumah yang bermutu dan harganya, biarlah sebenar-benar murah, jangan seperti yang disebutkan oleh rakyat ramai, rumah murah harga mahal. Sekian. terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.36ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas); Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Pembangunan 16, Butiran 01100, muka surat 63, tajuk—Balai Bomba, Bangunan, Kereta Bomba dan Kelengkapan. Tajuk—01—bagi negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ingin maklumkan kepada Menteri bahawa di kawasan saya di Lawas, tidak mempunyai Balai Bomba, bangunan ataupun kereta bomba dan kelengkapan yang dapat mencegah dan memadam api jika kebakaran berlaku. Oleh kerana itu apabila satu kebakaran terjadi dalam beberapa tahun yang lepas, kira-kira 20 buah kedai di bandar Trusan telah musnah dengan melibatkan anggaran kerugian kira-kira \$2 juta dan oleh kerana itu selepas kebakaran itu terjadi mereka sampai sekarang tidak dapat membuat kedai baru dan walaupun sudah 4 tahun tetapi masih tidak ada peruntukan yang diberi ke kawasan Lawas untuk menubuhkan satu Balai Bomba. Selain daripada kebakaran itu ada juga beberapa rumah orang

perseorangan yang telah terbakar dan melibatkan kerugian harta-benda yang begitu banyak.

Tuan Pengerusi, saya nampak dalam Rancangan Malaysia Kelima, tiada peruntukan untuk perkhidmatan bomba di daerah Lawas, dan Kerajaan telah menyediakan kira-kira \$2 juta dalam rancangan pembangunan tahun ini yang akan diberikan di negeri Sarawak dengan syarat adanya tapak untuk kompleks bomba dan jika peruntukan yang telah disediakan itu tidak digunakan saya ingin meminta, merayu kepada Menteri supaya memandang serius mengenai dengan kawasan saya yang tidak mempunyai bomba supaya peruntukan dibahagikan ke tempat saya. Masalah tapak untuk pembinaannya bukanlah masalah rumit dan besar. Saya sudah berbincang dengan Majlis Daerah mengenai dengan tempat untuk menempatkan Perkhidmatan Bomba di daerah lain di dalam negeri Sarawak, kebanyakan Pejabat Perkhidmatan Bomba menumpang di Bangunan Majlis-majlis Daerah untuk menempatkan pekerja-pekerja di samping menyimpan alat-alat pemadam api tanpa mempunyai kompleks yang tersendiri. Jika di daerah lain dapat dilakukan perkara demikian, kenapa di daerah Lawas dikecualikan? Jadi di kawasan saya di Lawas jika Kementerian tidak dapat membuat bangunan sendiri, Kementerian dapat menggunakan ruang pejabat di Kompleks Wisma Persekutuan yang mana masih banyak tempat kosong belum digunakan. Ini perlu untuk Kementerian mengkaji dan menyegerakan oleh kerana kawasan saya telah menunggu lama untuk sebuah Balai Bomba ditempatkan.

Saya mencadangkan supaya Kementerian menempatkan Pegawai dan ahli-ahli Bomba di Daerah Lawas agar Perkhidmatan Bomba dapat memberikan perkhidmatan 24 jam.

Jentera dan alat-alat pemadam api perlu diadakan di Daerah Lawas untuk digunakan oleh ahli-ahli Bomba. Kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, badan-badan swasta dan pertubuhan-pertubuhan perlulah ditunjukajar cara-cara penggunaan alat-alat pemadam api untuk memudahkan tugas-tugas Bomba mencegah kebakaran dari merebak. Walaupun beberapa pihak di Lawas telah mengajukan permohonan kepada Kementerian, satu jawapan yang kami terima daripada Pengarah Bomba Persekutuan mengatakan bahawa tidak ada peruntukan untuk Daerah Lawas, dan beliau telah mencadangkan apabila kebakaran berlaku kami dapat berhubung dengan Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Daerah Beaufort dan Papar di Sabah.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa jarak jauh di antara Beaufort dan Papar dengan Lawas ialah kira-kira di antara 2 jam kalau menggunakan kenderaan sama jauh dengan Kuala Lumpur pergi ke Ipoh dan juga jika hendak menggunakan alat Bomba dari Wilayah Persekutuan Labuan kita terpaksa menggunakan helikopter dan juga perahu. Saya rasa cadangan Pengarah Bomba ini adalah anih sedikit oleh kerana dia tidak mengetahui mengenai dengan masalah tempatan.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat membahagikan peruntukan yang diberi kepada Sarawak untuk kawasan saya. Walaupun peruntukan yang diberikan kepada Sarawak itu rendah, saya merayu supaya ini ditingkatkan. Sarawak adalah satu negeri yang besar, sama besar dengan Semenanjung dan saya minta supaya banyak lagi peruntukan diberi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya menyentuh juga kawasan saya di Limbang. Di Limbang walaupun kita

mempunyai satu Pusat Bomba, tetapi Pusat Bomba itu seperti satu kereta yang tidak mempunyai enjin dan tidak mempunyai petrol.

Satu kebakaran terjadi di Limbang 2—3 bulan yang lalu melibatkan 4 buah kedai dan saya berada di sana pada masa itu. Saya baru sampai dari rumah panjang and I was in time to witness the fire, dengan izin. Kami menggunakan air paip yang dipunyai oleh Bomba, dan juga cuba menggunakan air daripada Sungai Limbang, tetapi apabila menggunakan air paip itu tidak dapat digunakan oleh kerana mungkin lama tidak dipasang dan digunakan sehingga kita tidak dapat menggunakan sama sekali kelengkapan yang disediakan di Pusat Bomba di Limbang. Oleh kerana itu saya mintalah supaya Kementerian Yang Berhormat Menteri dapat memberi pertimbangan kepada kelengkapan serta kemudahan yang ada di Limbang supaya ini dapat dipermodenkan dan juga peruntukan diberi supaya jentera-jentera yang baru, alat-alat pemadam api yang baru dibekalkan dan juga kakitangan Bomba di Limbang ditambahkan supaya kita dapat mencegah dan dapat memadam api jika kebakaran berlaku.

Besarliah harapan saya supaya masalah ini ditimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya harap supaya kawasan saya dapat dibekalkan dengan alat Bomba. Walaupun peruntukan yang ada, saya rasa tidak banyak, tetapi saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat mencari jalan bagaimana wang ini dikorek dari tempat lain untuk diberi ke kawasan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi satu Kementerian iaitu Kementerian Belia dan Sukan untuk pertimbangkan hari ini juga. Sebab itu saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat ada tiga orang

lagi supaya berucap selama 5 minit masing-masing. Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh.

4.47 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh): Tuan Pengerusi, oleh sebab masa terlalu terhad maka saya cuba ringkaskan seberapa yang boleh.

Tuan Pengerusi, Saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba iaitu berkenaan dengan Butiran 020000, muka surat 62—Operasi Melawan Kebakaran.

Pada hemat saya Operasi melawan Kebakaran ini adalah merupakan tugas yang paling utama bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba ini. Kecemerlangan atau kelemahan Jabatan ini terletak kepada prestasi yang dapat dicapai oleh Operasi Melawan Kebakaran ini.

Saya sedar kejayaan atau kegagalan operasi ini berdasarkan kepada beberapa faktor, di antaranya kakitangan yang cekap dan terlatih.

Yang kedua, kerjasama daripada orang ramai menerusi penyampaian maklumat yang benar dan tepat.

Yang ketiga, alat-alat dan kemudahan asas yang sempurna seperti paip-paip Bomba yang mencukupi, kenderaan yang mencukupi lagi sempurna dan lain-lain peralatan yang berkesan. Walaupun saya akui kakitangan yang terlatih dan cekap serta kerjasama daripada orang ramai itu penting, tetapi yang lebih penting ialah kemudahan peralatan yang moden dan mencukupi. Tidaklah memadai jika kita mempunyai kakitangan yang cekap dan juga mendapat maklumat yang tepat dan benar sekiranya kita tidak mampu mengadakan segala kemudahan asas seperti yang saya sebutkan itu.

Sebagai contoh umpamanya pada suatu hari satu kebakaran telah berlaku iaitu di kilang getah yang dimiliki oleh RISDA, yang terletak di antara Kampung Baru Leman Kati dengan Pekan Kati. Walaupun pasukan bomba berjaya dikerah ke kawasan itu daripada Pasukan Bomba Lenggong dan Kuala Kangsar, tetapi mereka gagal untuk memadam kebakaran itu kerana tidak kedapatan paip-paip bomba yang mencukupi. Ini sebagai satu contoh.

Contoh yang kedua, satu kebakaran berlaku di helakang Sekolah Menengah Baru Lenggong dan juga Sekolah Menengah 'Dato' Ahmad, saya sendiri turut hadir ke kawasan itu, malangnya Pasukan Bomba daripada Lenggong tidak dapat sampai ke kawasan itu. Jangankan hendak memadam api, mereka tidak dapat sampai. Bila saya pergi ke Pejabat Bomba dan bertanya mengapa mereka tidak pergi sekali pun telah diberitahu, mereka sebenarnya telah mencuba tetapi oleh sebab keadaan kawasan kebakaran itu agak berbukit sedikit, kereta bomba yang ada di Lenggong tidak dapat hendak naik bukit walaupun tidak begitu tinggi. Saya tanya sebab apa kerana umurnya terlalu tua. Sejak tahun 1962, jadi telah 25 tahun umur kereta itu. Cuma cat sahaja yang baru dan nampak baru. Jadi sangat malanglah, bukanlah kerana Pasukan Bomba ini tidak cekap, bukan kerana mereka tidak mempunyai dedikasi tetapi kerana Jabatan Bomba sendiri tidak memberi peluang untuk mereka menunjuk kecemerlangannya sebagaimana yang diharapkan.

Saya berharaplah kepada Menteri yang berkenaan, Timbalan Menteri yang ada di hadapan saya ini, supaya dapat memberi keutamaan yang tertinggi untuk menggantikan kereta bomba tahun 1962 yang ada di Lenggong supaya imej Pasukan Bomba ini dapat dipulih semula

kerana kedua-dua kebakaran ini. Sebenarnya, banyak lagi kebakaran yang tidak dapat ditolong oleh bomba, tetapi dengan dua contohnya memadailah. Dua Kebakaran ini bukan disebabkan kurang kecekapan dan tidak dedikasi Pasukan Bomba. Saya memuji tentang semangat dedikasi Pasukan Bomba, tetapi malangnya kata pepatah Melayu, niat hati hendak peluk gunung, apakan daya tangan tidak sampai. Tolong sampaikan tangan mereka ini, mudah-mudahan mereka akan dapat benar-benar berbakti sepertimana yang digariskan di dalam objektif Jabatan Bomba ini diwujudkan di negara kita.

Sekian, terima kasih. Dengan ini, saya menyokong Anggaran Belanjawan ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh. Selepas itu Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang akhir.

4.54 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan P.14 Butiran 00100 dan 00200 dan saya ingin merujuk kepada peranan Penguatkuasa Tempatan iaitu pengwujudan Kerajaan di peringkat ketiga bagi memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam pembangunan kawasan-kawasan luar bandar dan bandar melalui projek-projek prasarana perniagaan dan menentukan aktiviti-aktiviti pembangunan di peringkat Penguasa Tempatan berjalan mengikut kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, dalam kita memahami peranan Penguasa-penguasa Tempatan, pada keseluruhannya apa yang kita lihat ialah Majlis-majlis Tempatan, khasnya

di peringkat Penguasa Tempatan mengalami masalah berat dari segi kewangan untuk menjalankan peranannya secara berkesan.

Selain dari punca pendapatan yang terhad peruntukan Kerajaan juga selalunya terhad. Apa yang menjadi masalah ialah di kawasan-kawasan Majlis Tempatan selalunya terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kebersihan, yang saya anggap amat penting untuk diambil perhatian kerana kelemahan ini boleh membawa kepada masalah wabak penyakit yang merbahaya dan mengancam kesejahteraan rakyat seperti penyakit denggi dan lain-lain penyakit yang mudah merebak. Selalu juga kita lihat kekotoran-kekotoran terdapat di parit, longkang-longkang, kawasan-kawasan kedai atau bangunan, di tempat-tempat pembuangan sampah yang tidak diselenggarakan dengan baik dan kadang-kadang tempat pembuangan sampah pun tidak sesuai sehingga menimbulkan banyak rungutan penduduk kerana kawasan-kawasan ini menjadi tempat pembiakan penyakit.

Tuan Pengerusi, rumput-rumput juga terbiar panjang, tidak dipotong dengan wajar, ini menimbulkan pandangan yang buruk di kawasan Majlis Tempatan yang tidak sepatutnya terdapat di kawasan-kawasan Majlis Tempatan. Yang jelas, timbulnya di sini ialah masalah kurangnya pegawai-pegawai penguatkuasaan di Majlis-majlis Tempatan dan juga cara mereka menjalankan kerjanya lemah dan kurang penyeliaan. Masalah-masalah ini tidak patut dibiarkan, Kalau ini dibiarkan tentulah matlamat pembangunan di Majlis Tempatan tidak terlaksana sepenuhnya bahkan menimbulkan lebih banyak permasalahan. Walaupun Pejabat Kesihatan terdapat disediakan untuk mengawal penyakit, tetapi punca yang menjadi pokok masalah ini patut diselesaikan.

Adalah wajar kalau Majlis Tempatan lebih kerap menganjurkan kempen-kempen kebersihan, cara bergotong royong yang saya anggap satu amalan baik selain daripada penguatkuasaan. Elok kalau Majlis Tempatan menjalankan kempen ini dan menjadikan ia sebagai satu amalan penduduk-penduduk khasnya di kawasan Majlis Tempatan. Usaha ini mesti digiatkan dan dijalankan sepanjang masa dan dijadikan amalan hidup di kawasan-kawasan Majlis Tempatan.

Pemandangan yang lain ialah kebanyakan pasar-pasar di Majlis-majlis Tempatan telah dibina sejak sebelum perang dahulu. Kebanyakannya dibina dalam tahun 1920an. Ini adalah satu keadaan yang perlu perhatian yang lebih serius di mana keadaan sudah tidak begitu sesuai lagi dari segi keadaan sekarang dan sepatutnya mendapat perhatian sama ada secara peruntukan Kerajaan ataupun secara penswastaaan, sesuatu langkah perlu dijalankan untuk mengatasi keadaan-keadaan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, perparitan memanglah satu masalah yang rumit dan ini adalah merupakan soal yang pokok. Di mana-mana Majlis Tempatan kita akan lihat keadaan yang begitu buruk dari segi perpant. Walaupun ramai yang telah menimbulkan hal ini, saya fikir lebih ramai menimbulkan hal ini, lebih baik kerana ini memberikan satu pandangan yang lebih jelas bahawa masalah ini adalah soal yang pokok. Jadi saya fikir soal perparitan harus diberikan perhatian yang paling utama sebab inilah yang membawa sebab bukan sahaja kepada banjir kilat, kepada soal-soal) longkang kotor dan sebagainya tetapi juga kadang-kadang kawasan Majlis Tempatan ini boleh menjadi satu pusat pembiakan penyakit.

Tuan Pengerusi, jadi ini adalah penting untuk diambil perhatian.

Selain daripada itu di kawasan-kawasan Majlis Tempatan juga tidak cukup dengan kemudahan riadah ataupun tempat-tempat kegiatan sosial seperti padang-padang permainan, taman-taman permainan dan bangunan-bangunan untuk kemudahan kegiatan sosial. Ini penting saya fikir kerana di kawasan-kawasan Majlis Tempatan amat perlu diadakan kawasan-kawasan ini, kalau kita ingin meninggikan keadaan sosio ekonomi di kawasan-kawasan Majlis Tempatan.

Selain daripada itu tandas-tandas awam; saya fikir di kawasan-kawasan Majlis Tempatan keadaannya sangat perlukan perhatian. Jarang kita melihat tandas-tandas awam, kalau ada pun tandas-tandas awam memang tidak terjaga dengan baik. Jadi ini lagi satu perkara yang menjadi pandangan buruk yang saya fikir harus juga diberi perhatian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Pengerusi, dan yang satu lagi, ini ada berkaitan dengan masalah rumah-rumah ataupun bangunan-bangunan Kerajaan. Terdapat banyak bangunan-bangunan Kerajaan yang lama yang ditinggalkan begitu sahaja dan selalunya menjadi masalah kepada penduduk tempatan. Terdapat penduduk-penduduk tempatan ingin menggunakan bangunan-bangunan lama yang tinggal ini tidak dibenarkan. Tetapi bangunan itu dibiarkan begitu sahaja. Selain daripada bangunan itu membazir, ia juga menimbulkan masalah kerana kadang-kadang terdapat kanak-kanak ataupun mereka yang tidak ada kerjakerja yang lain melainkan untuk membuang masa, mereka akan masuk dalam bangunan-bangunan ini dan menjalankan kegiatan-kegiatan seperti menghisap dadah dan sebagainya.

Jadi dalam hal ini saya fikir perlu Kerajaan mengambil perhatian sama ada bangunan itu diberikan kepada satu pihak lain untuk digunakan atau terus dihapuskan sahaja daripada dibiarkan terus.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.02 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, dalam kesuntukan masa ini, saya akan menyentuh hanya satu perkara yang saya kira penting, khususnya kepada rakyat secara umum.

Saya akan menyentuh B.14, muka surat 55, Butiran-butiran 010500, Perancangan dan, Pembangunan, 020100 Penyelarasan dan Perlaksanaan dan di masa yang sama akan menyentuh Butiran 01500, Maksud B.14, muka surat 57. Tuan Pengerusi, perkara ini akan beredar di sekitar Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Sebagaimana kita ketahui bahawa antara keperluan asas yang penting di dalam hidup kita selepas kita dapat makan ialah tempat kita berlindung, dalam ertikata ini bermakna kita perlu kepada perumahan ataupun rumah tempat tinggal. Jadi, menyedari hakikat ini maka kita perlu ketahui Kerajaan memang mempunyai perancangan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi ataupun menyediakan rumah yang banyak kepada mereka yang memerlukan rumah. Dan juga kita insaf bahawa banyak projek-projek perumahan sama ada perumahan oleh swasta ataupun projek untuk rumah awam kos rendah yang terbengkalai dan mungkin akan banyak lagi terbengkalai oleh sebab-sebab yang tertentu yang tidak dapat

dielakkan. Tetapi dalam hal ini kita dapat merasai keperluan rakyat, keperluan penduduk-penduduk yang amat inginkan untuk memiliki sebuah rumah ala kadar mengikut keperluan mereka.

Maka dalam perkara ini, saya suka menyarankan ataupun memberi pandangan kepada pihak Kerajaan apakah mungkin sesuatu perancangan atau perlaksanaan dapat dibuat untuk menjamin pencapaian pembinaan rumah yang diperlukan oleh rakyat umum ini dapat mencapai tujuan. Dan juga di masa yang sama barangkali dapat menjimatkan ataupun memendekkan dari segi jangka masa dan di masa yang sama juga berkemungkinan dapat kita menjimatkan kos dan dapat menawarkan harga yang lebih murah rumah-rumah yang akan disediakan. Apa yang saya maksudkan, ialah konsep gotong royong.

Kita kenali, terutamanya orang-orang Melayu dan barangkali budaya gotong-royong ini dapat juga diterapi kepada masyarakat lain yang berada di Malaysia setelah bercampur dengan orang Melayu di mana orang-orang Melayu ataupun orang Malaysia memang boleh bergotong-royong. Sejarah menunjukkan bahawa bergotong-royong ini telah membawa satu kejayaan kepada masyarakat Melayu di negara ini. Jadi, berasaskan konsep ini boleh saya cadangkan di segi pembinaan perumahan pihak Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur (infrastructure) dan perkara-perkara yang lebih memerlukan kepakaran (highly technical), dengan izin, misalnya bekalan air dan pencawangan elektrik. Tetapi perkara-perkara yang lain dari segi pembangunan lain yang mungkin dapat dibuat oleh peserta atau bakal-bakal penghuni rumah itu sendiri barangkali dapat kita serahkan.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya teringat kepada satu projek yang kita namakan RPK satu ketika dahulu atau Rancangan Pemulihan Kampung di mana penduduk ataupun mereka diberi peruntukan sejumlah tertentu dari segi bahan-bahan binaan kayu, zing, paku, simen dan sebagainya dan mereka dapat membina rumah dengan tenaga mereka sendiri bergotong-royong. Dan saya dapat memerhati bahawa projek-projek perumahan yang kita buat sekarang, misalnya satu projek barangkali berjumlah 140 buah menelan belanja \$2.3 juta lebih kurang tetapi kalau dibuat secara gotong-royong, ianya lebih menjimatkan wang kerana rumah-rumah yang dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara melalui Rancangan Awam Kos Rendah ini, saya yakin dapat dilaksanakan oleh mereka itu sendiri ataupun mereka mampu mencari tukang-tukang kampung yang berkemahiran sekadar membina rumah itu dapat dibuat dan ini tentunya menjamin rumah itu murah dan tetap dari segi kesempurnaan. Barangkali dapatlah kita mencapai matlamat tadi yang memerlukan kita misalnya lebih kurang 26,824 rumah dalam tahun 1988 ini dari rumah murah, kemungkinan 45,000 rumah awam ini susahlah pada pihak swasta tetapi saya lebih menarik kepada rumah-rumah rendah rakyat di kampung.

Tuan Pengerusi, sedikit sahaja lagi mengenai rumah kos rendah ini kebersihan, juga barangkali satu jawatankuasa perlu dibentuk untuk menjamin rumah-rumah awam kos rendah ini terpelihara dengan baik dan kawasanya bersih kerana melambangkan kebersihan yang baik kepada penduduk-penduduk itu sendiri. Saya suka menyarankan bahawa pokok buah-buahan perlu ditanam di sekitar kawasan rumah awam kos rendah ini dan juga pokok-pokok ubatan tradisional kerana ada pokok ubatan tertentu boleh ditanam

yang tentunya akan memberi kebaikan dan keberuntungan kepada penduduk itu sendiri, di samping pokok-pokok seperti pegaga yang difahamkan pokok ini mempunyai hasiat yang baik yang senang ditanam, sedap dimakan, khasiatnya tinggi. Perkara ini dapat dilaksanakan, insya Allah, melalui jawatankuasa yang saya cadangkan dibentuk untuk melihat perkara-perkara yang baik ini.

Sekianlah, saya turut menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

5.07ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebanyak 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan kepada semua saya ucapkan terima kasih.

Sukalah saya menjelaskan bahawa pandangan-pandangan atau cadangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun diambil kira dan saya akan cuba menjawab beberapa perkara yang penting, perkara-perkara iain adalah dicatat untuk perhatian Kementerian, Khususnya pegawai-pegawainya dalam tindakan-tindakan pada masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai-bagai perkara tentang Penguasa Tempatan. Sukalah saya menjekaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Penguasa Tempatan adalah satu bentuk Kerajaan di peringkat yang

ketiga iaitu yang di bawah sekali, yang dekat sekali dengan rakyat dan Peguasa-penguasa Tempatan adalah dibidanguasa Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek dan juga untuk menjalankan beberapa tanggungjawab.

Sebenarnya bahagian Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah untuk menggubal undang-undang dan dasar bagi keseluruhan negara dan juga untuk mengadakan peraturan-peraturan dan untuk menentukan bahawa semua Penguasa-penguasa Tempatan di negara kita mengikut peraturan-peraturan dan juga dasar yang sama supaya kita tidak mengadakan dasar-dasar yang berlainan dalam negara kita. Oleh kerana itu kebanyakan masalah-masalah yang ditimbulkan seperti mendapatkan kontrak dan juga mengenai beberapa perkara adalah bidanguasa Penguasa Tempatan. Dalam anggaran pun perkara-perkara ini tidak dapat diperuntukan tidak pun disebutkan. Jadi, itu adalah pada amnya.

Walau bagaimanapun perkara-perkara yang dibangkitkan seperti kekurangan tempat-tempat rekreasi ataupun kekurangan kawalan terhadap kesihatan dan juga beberapa perkara yang dibangkitkan oleh begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira oleh Kementerian saya dan apabila kita mengadakan mesyuarat dengan Penguasa-penguasa Tempatan, perkara-perkara ini akan disampaikan kepada mereka supaya mereka dapat menjalankan ataupun melaksanakan perkara-perkara ini dengan lebih sempurna. Dari masa ke semasa kita mengadakan beberapa kursus latihan ataupun seminar-seminar. Bagi ahli-ahli daripada Penguasa-penguasa Tempatan, pegawai-pegawai dan juga ahli-ahli Majlis Daerah dan juga Majlis Perbandaran supaya mereka dapatlah

memainkan peranan masing-masing dengan lebih cekap untuk mengatasi beberapa masalah yang telah dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Nampaknya masalah ini adalah satu masalah besar dan sukatah saya menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sama pendapat bahawa kemudahan-kemudahan yang terdapat, iaitu dari segi jumlah balai bomba ataupun kenderaan ataupun alat-alat yang sedia ada di balai bomba di seluruh negara tidak mencukupi dan rancangan telah dibuat untuk membaiki keadaan ini, baik dari segi jumlah balai bomba mahupun dari segi kenderaan ataupun alat-alat. Tetapi oleh kerana pada amnya keadaan ekonomi tidak mengizinkan, maka peruntukan-peruntukan tidak diluluskan walaupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berpendapat berbeza daripada pandangan-pandangan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Walaupun begitu, sukaiah saya menjelaskan bahawa keadaan yang terdapat sekarang adalah baik daripada beberapa tahun yang lalu, iaitu dari segi kakitangan. Dalam dua-tiga tahun yang kebelakangan, kakitangan telah bertambah, beberapa balai-balai bomba telah dibina dan sebagainya. Bagi tahun 1988 adaiah dicadangkan bahawa beberapa balai bomba ataupun tanah bagi balai bomba dapat dibuat. Bagi tahun 1988, Pasir Puteh diperuntukkan sebanyak \$200,000 untuk beli tanah. Pasir Gudang sebanyak \$750,000 bagi membina dua balai bomba yang mempunyai dua bay dan quarters. Begitu juga Kerteh diperuntukkan sebanyak \$700,000 untuk bina

quarters bagi balai bomba dan Kuah diperuntukkan sebanyak \$200,000 untuk beli tanah. Bagi tahun 1988 juga sebanyak \$3,025,000 telah diperuntukkan bagi Kementerian untuk membeli sebanyak 22 unit kereta bomba. Walaupun jumlah unit ini tidak mencukupi, tetapi kita akan menempatkan kereta-kereta bomba ini mengikut keutamaan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Saya tahu kalau dibenarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat susahlah, saya tahu semua tempat kenderaan tak cukup atau kenderaan ini lama atau ada yang mohon untuk menambah kenderaan yang sedia ada. Jadi, kita akan mengikut keutamaan dan menempatkan kereta-kereta bomba bagi tahun 1988. Begitu juga kita akan membeli hose dan beberapa alat bagi balai bomba bagi tahun 1988. Di Bintulu, satu balai bomba yang mengandungi dua bay dan quarters bagi kakitangan akan dibina dengan peruntukan sebanyak \$900,000. Begitu juga di Kanowit, sebidang tanah dengan berharga \$80,000 akan dibeli bagi tahun 1988.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, minta maaf—Tuan Pengerusi, minta maaflah fasal banyak ucapan di luar, tak sedar. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vjjandran): Teruskan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, Jabatan Perkhidmatan Bomba sentiasa menjalankan selain dari membina balai bomba, selain dari menempatkan kenderaan-kenderaan dan juga kelengkapan-kelengkapan, dari masa ke masa menjalankan kempen-kempen bukan sahaja Perkhidmatan Bomba adalah penting dari segi melawan kebakaran, tetapi adalah lebih penting untuk mencegah kebakaran. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian dan memberi kerjasama dan sokongan dalam segala kempen-kempen yang dijalankan oleh

Perkhidmatan Bomba. Kita telah pada tiap-tiap tahun menjalankan kempen mencegah kebakaran ataupun Minggu Mencegah Kebakaran di seluruh negara dan banyak lagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Jabatan Perkhidmatan Bomba mengadakan kursus-kursus bagi orang-orang di pihak swasta dan juga bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan kita juga mengadakan beberapa program lain. Di Wilayah Persekutuan, satu "contingency plan" telah dibuat di mana pasukan menjalankan latihan kawal kebombaan di kawasan-kawasan yang dipilih pada tiap-tiap minggu.

Tuan Pengerusi, tentang soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kluang, iaitu beberapa tindakan pencegahan kebakaran seperti berikut telah pun dibuat oleh Jabatan Bomba, iaitu kesedaran kepada masyarakat melalui program pembelajaran awam, kempen minggu mencegah kebakaran dan juga menggalakkan penubuhan pasukan bomba gotong-royong di beberapa tempat, termasuk Pasukan Kadet Bomba di sekolah-sekolah. Ini juga adalah satu aktiviti untuk mengajar ataupun mendidik murid-murid di sekolah tentang merbahayanya kebakaran dan juga langkah-langkah yang perlu diambil.

Berhubung dengan mengadakan balai bomba di Wilayah Persekutuan, adalah sukar untuk mendapat tapak yang sesuai, terutama di pusat bandar. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan bahawa Jabatan Bomba telah berusaha untuk mendapat kawasan tapak tanah di kawasan pinggir di Wilayah Persekutuan dan kita akan mengambil perhatian perkara ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, satu perkara telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ialah tentang pili bomba, iaitu masalah pili bomba dari segi ketekanan air. Ini adalah satu masalah yang wujud di beberapa daerah dan kita telah pun sentiasa mengadakan perhubungan dan juga perbincangan dengan Jabatan Bekalan Air tentang masalah ini dan selain dari meminta Jabatan Bekalan Air untuk membaiki keadaan tekanan air, kita juga telah pun mendapat persetujuan daripada Jabatan Bekalan Air supaya mereka menutup saluran air ke tempat-tempat lain apabila satu kebakaran berlaku supaya tekanan air di kawasan kebakaran itu dapat dibaiki dan melawan kebakaran bolehlah dijalankan dalam keadaan yang memuaskan. Jadi, ini adalah satu langkah buat sementara ataupun langkah yang dijalankan apabila kebakaran berlaku.

Mengenai punca-punca air selain daripada air yang telah diproses, perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian tetapi proses ini, iaitu untuk mencari sumber-sumber lain adalah satu projek yang begitu besar yang memerlukan peruntukan yang begitu banyak, bukan satu projek kecil, walau bagaimanapun perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian.

Tuan Pengerusi, mengenai bomba di Rantau Panjang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Jabatan Perkhidmatan Bomba telah pun mengadakan balai bomba sementara secara menyewa rumah kedai dengan menempatkan sebuah van yang lengkap dengan pam angkat dan anggota seramai 9 orang dan dengan itu bantuan bomba gotong royong di Rantau Panjang diperolehi semasa kebakaran.

Ini adalah sebagai langkah ataupun tindakan sementara. Kita pun sedar dan kita memahami keadaan yang

wujud di Rantau Panjang iaitu kebakaran yang telah berlaku dan ini adalah satu rancangan yang dijalankan dalam keadaan ekonomi yang wujud sekarang.

Tuan Pengerusi, mengenai kekerapan kebakaran yang belaku di Wilayah Persekutuan, Kementerian sedar akan perkara ini dan kita sentiasa mencari jalan untuk mengatasinya. Saya telah pun menjelaskan bahawa keadaan ekonomi yang lembap dan oleh kerana itu peruntukan yang disediakan adalah tidak mencukupi, tetapi kita akan meneruskan usaha kita untuk memperbaiki keadaan yang wujud sekarang apabila keadaan ekonomi mengizinkan.

Dan saya juga ingin meminta Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila Jabatan Perkhidmatan Bomba melancarkan Skim Rancangan Anak-angkat Pili Bomba, saya berharap beberapa Ahli Yang Berhormat dapat juga memberikan kerjasama untuk menjayakan skim ini. Skim ini adalah berupa di mana pili bomba itu dijadikan anak angkat oleh badan-badan seperti Rukun Tetangga ataupun oleh keluarga-keluarga yang paling berhampiran dengan pili bomba berkenaan supaya pili bomba itu dikawal sepanjang masa pada setiap hari.

Jabatan Perkhidmatan Bomba, walaupun menjalankan pemeriksaan pili bomba dari semasa ke semasa, tetapi tentuklah tidak dapat mengawal sepanjang hari dan kita fikir, satu cadangan yang sesuai ialah untuk meminta keluarga yang paling berhampiran untuk bersama-sama membantu Jabatan ini untuk mengawal pili-pili bomba yang sedia ada.

Tuan Pegerusi, projek-projek perumahan dan juga rumah kos rendah, tidak banyaklah Ahli Yang

Berhormat yang telah menyentuh perkara ini. Bercakap tentang perumahan adalah benar bahawa kita terdapat sebanyak 172 projek terbengkalai buat masa sekarang di negara kita. Ini adalah projek yang telah dikenalpasti sebagai projek terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi ini bukanlah bererti rancangan perumahan, baik yang dijalankan oleh sektor swasta mahupun sektor awam tidak berjaya sehingga sekarang.

Kalau kita bandingkan dengan negara jiran kita iaitu Singapura yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa jumlah atau bilangan rumah yang telah dibina di negara kita adalah lebih banyak beberapa kali ganda jumlahnya dahpada yang dibina di Singapura.

Dan adalah tidak benar bahawa projek-projek tidak terbengkalai di negara-negara jiran kita yakni projek-projek terbengkalai itu tidak boleh ditahan oleh mana-mana pihak, terutama mana-mana syarikat baik syarikat yang menjalankan projek perumahan, mahupun juga syarikat-syarikat yang menjalankan bermacam-macam perniagaan, kalau syarikat itu menghadapi masalah kewangan, maka timbullah masalah berikutan dan dalam keadaan itu kalau sesuatu syarikat berkenaan menjalankan projek perumahan, maka masalah projek terbengkalai akan wujud pada masa itu.

Jadi, tidaklah benar bahawa masalah projek terbengkalai itu menjadi satu keadaan yang istimewa di negara kita. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dan telah pun menjalankan beberapa kajian supaya keadaan yang wujud sekarang iaitu satu keadaan yang cuma wujud dalam economic boom, dengan izin, pada tahun 1980-an ataupun akhir

1970-an dan awal 1980-an dapat diperbaiki.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang meneliti pelaksanaan satu sistem, iaitu satu sistem projek akaun di mana semua kutipan yang dibuat oleh seseorang pemaju bagi sesuatu projek perumahan dapat dikawal ataupun dapat dimonitor dan bayaran-bayaran daripada kutipan itu cuma dapat dibuat bagi projek tersebut yang bertujuan untuk pembinaan dan menyiapkan rumah-rumah.

Kutipan-kutipan daripada pembeli-pembeli tidak digunakan oleh pihak pemaju untuk sebab-sebab yang lain, selain daripada menyiapkan projek perumahan itu. Ini adalah diharapkan berjaya apabila projek akaun dilaksanakan.

Sistem ini adalah satu konsep baru, satu langkah yang baru yang masih diteliti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan apabila dilaksanakan, kita berharap dan kita percaya bahawa kita akan dapat mengurangkan masalah projek yang terbengkalai itu.

Kita tak dapatlah mengelakkan sama sekali. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan dibaiki. Jadi apabila kita mengambil perhatian bahawa 172 projek terbengkalai, sukalah saya menyebutkan, walaupun saya tidak mempunyai angka-angka, beribu-ribu pemaju projek perumahan dalam negara kita telah pun siap dan bilangan yang telah siap dalam projek itu adalah satu bilangan yang besar dan dalam industri perumahan, perkara ini adalah satu kejayaan.

Ini bukan semata-mata disebutkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di negara kita tetapi juga oleh beberapa pelawat, pakar-pakar dalam bidang perumahan termasuklah juga pemimpin-pemimpin daripada negara jiran kita

iaitu Singapura mengenai kejayaan yang telah diperolehi dalam menyiapkan rumah-rumah oleh sektor swasta dan juga oleh sektor awam. Malahan di sektor swasta, ada syarikat-syarikat yang sehingga sekarang tidak ada rekod projek terbengkalai.

Syarikat-syarikat ini adalah syarikat yang baik dan telah menyiapkan projek-projek yang dimulakan tetapi apabila kita mengalami keadaan ekonomi boom, dengan izin, banyaklah pihak yang tidak berpengalaman, pihak yang tidak membuat rancangan teliti telah masuk ke bidang perumahan untuk mencari wang dan untuk mencari keuntungan dalam masa yang singkat sedangkan pihak rakyat, walaupun kita telah menasihatkan berulang kali telah pun membuat booking, dengan izin, bagi rumah-rumah itu dan selepas itu apabila syarikat itu tidak dapat menyiapkan projek rumah berkenaan, rakyat telah membuat aduan kepada kita.

Tentang rumah-rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan dalam tahun 1986/1987 dan yang dicadangkan dibina pada tahun 1986 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sebenarnya pencapaian program ini setakat akhir bulan Jun 1987 sahaja telah pun melebihi jangkaan 5,911 unit. Sebenarnya sehingga akhir bulan Jun 1987 sebanyak 7,202 unit telah pun dibina di seluruh negara. Jika arah aliran ini berterusan, pencapaian tahun 1987 besar kemungkinannya akan melebihi pencapaian tahun 1986 sebanyak 9,645 unit. Kadar pembinaan sekarang adalah baik dan Kementerian saya yakin pencapaian yang lebih baik akan diperolehi pada tahun 1987.

Tuan Pengerusi, tentang cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah iaitu

untuk mengurangkan kos rumah-rumah, kita menggunakan konsep gotong-royong. Sebenarnya apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Kerajaan menyediakan infrastruktur, bekalan air dan bekalan elektrik dan pembinaan bangunan dibuat oleh pembeli sendiri, ini adalah satu konsep yang telah pun dilaksanakan oleh Kementerian iaitu yang dinamakan "site and services", kita menentukan tapak tanah di mana infrastruktur, bekalan air dan elektrik disambungkan dan kemudian itu kita cadangkan bahawa tanah itu diberi kepada mereka yang berminat. Ini pun menimbulkan bermacam-macam masalah oleh kerana apabila kita melaksanakan "site and services concept" ini di beberapa tempat, ini pun ada masalah. Ini bukan bererti kos turun, sebenarnya mutu rumah itu kurang baik dan kalau ini berterusan mungkin keadaan slum dan sebagainya, keadaan rumah-rumah yang tidak selisa dapat diwujudkan. Walau bagaimanapun, rancangan ini belum ditolak, masih konsep ini, kalau difikirkan sesuai bagi tempat-tempat, kita akan menggunakan, kita akan menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mereka melaksanakan konsep ini di mana-mana ianya dianggap sesuai.

Tentang pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang iaitu Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dikaji dan dipinda, sukaulah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Akta ini telah pun dikaji. Masalahnya bukanlah kita mahu jinda ataupun tidak pinda, kajian telah dibuat dan segi pengalaman kita tentang masalah-masalah yang wujud sekarang.

Sebenarnya Akta dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada pun mencukupi untuk mengawal sektor perumahan dalam negeri kita. Apa

yang telah berlaku ialah masalah-masalah yang baru timbul dan kita akan menggunakan semua pengalaman mi untuk membuat satu kajian keseluruhan. Tadi saya telah menerangkan tentang cadangan Projek Akaun Perumahan dan dalam kajian semula ini, ini adalah satu konsep baru, satu perkara yang baru difikirkan oleh Kementerian dalam beberapa bulan yang lalu dan semua ini akan diambil kira apabila Akta ini dikaji semula oleh Kementerian kita. Sebenarnya kajian ini adalah diperingkat terakhir dan kita akan cuba laksanakan ataupun buat keputusan tentang pindaan-pindaan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, tentang Rancangan Saluran Najis di Seremban dan juga Pembentukan Najis di Port Dickson, dalam Rancangan Saluran Najis Seremban peringkat mengkaji tender-tender yang telah diterima oleh Majlis Perbandaran Seremban sedang dijalankan dan tender akan diberi kepada pemborong yang berjaya pada awal tahun 1988 dan pembinaan projek tersebut akan bermula pada tahun hadapan.

Tentang Pembentukan Najis di Port Dickson, kajian Pelan Induk Pembentukan Najis di Port Dickson sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, projek ini akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sembilan dan oleh yang demikian tidak ada peruntukan untuk tahun 1988 yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itu tadi saya sebutkan pada awalnya bahawa banyak perkara-perkara yang dibangkitkan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Peruntutannya diberi oleh Kerajaan Negeri ataupun oleh Penguasa-penguasa Tempatan sendiri daripada budget masing-masing, bukanlah daripada Kementerian, bukanlah dikawal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah membangkitkan masalah mengenai perancangan di Kuala Lumpur. Suka saya menjelaskan bahawa masalah perancangan di dalam kawasan Kuala Lumpur adalah di luar bidangkuasa Jabatan Perancang Bandar dan Desa, hanya adalah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah diambil perhatian.

Saya suka menambah bahawa tidak ada perancangan yang menyeluruh dijalankan dan dengan itu pelan-pelan yang diluluskan adalah secara *ad-hoc*. Perkara ini adalah dalam perhatian dan kita akan meminta kerjasama daripada semua pihak untuk memperbaiki keadaan ini. Langkah-langkah telah pun diambil untuk menyediakan banyak lagi pelan-pelan struktur dan pelan tempatan untuk mengatasi beberapa masalah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah membangkitkan masalah cukai-cukai yang dikenakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal itu maksudkan assessment, dua jenis cukai yang dikenakan di Peringkat Kerajaan Tempatan iaitu quit rent atau cukai pintu dan juga assessment yang dikenakan. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa cukai assessment ini yang dikenakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan merupakan satu punca kewangan yang begitu penting. Walaupun seperti yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa rakyat membayar berjenis-jenis cukai dan eloklah kalau rakyat dikecualikan daripada pembayaran cukai assessment, tetapi ini adalah satu dasar kewangan dan di peringkat kita, kita memanggil Kerajaan

Tempatan sebagai Kerajaan Tempatan dan ini merupakan Kerajaan Tempatan memainkan peranan penting di peringkat yang dekat sekali dengan rakyat dan kalau kita berharap Kerajaan Tempatan memainkan peranan yang berkesan dan memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada penduduk-penduduk, mereka memerlukan kewangan yang mencukupi dan assessment adalah merupakan satu punca yang begitu penting. Tidaklah benar bahawa cukai atau kadar assessment itu dinaikkan dari masa ke semasa. Itu tidaklah benar.

Saya suka menerangkan bahawa kebanyakan Penguasa-penguasa Tempatan tidak membuat kenaikan assessment pada tiap-tiap tahun. Sebenarnya ada Penguasa-penguasa Tempatan yang tidak membuat kenaikan kadar assessment dalam tempoh 10 tahun ataupun tempoh-tempoh yang begitu panjang. Keementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa ada hubungan yang rapat tentang perkara ini dan kita telah pun menasihatkan Penguasa-penguasa Tempatan tentang keadaan ini.

Di mana-mana tempat Penguasa-penguasa Tempatan menaikkan assessment, ianya dibuat selepas kajian tentang nilai harta-harta yang terdapat dalam satu-satu daerah dan selepas kajian teliti barulah mereka membuat kenaikan assessment di peringkat Penguasa-penguasa Tempatan. Pembayaran assessment ini sebenarnya daripada pengalaman kita, mereka yang mampu membayar pun tidak membayar dan mereka yang tidak mampu pun membuat pengaduan. Kalau kita kaji daripada tunggakan-tunggakan, kebanyakan tunggakan adalah daripada pihak-pihak yang mampu membayar, bukanlah dari golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Biasanya kenaikan assessment itu ada juga

diambil kira tempat-tempat yang tidak dibangunkan atau tempat-tempat mundur atau golongan-golongan yang berpendapatan rendah di mana harta yang dipunyai oleh mereka tidak membawa hasil dan sebagainya. Ini kita dapat tentukan apabila kajian tentang nilai harta itu dibuat oleh pakar-pakar di beberapa jabatan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja penjelasan-penjelasan dan jawapan-jawapan saya kepada soalan-soalan dan juga pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara yang telah memberi pandangan-pandangan membina kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kita akan mengambil kira segala pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan dan jika cadangan-cadangan itu dititkirkan sesuai, Kementerian kita akan bertindak terhadap cadangan-cadangan yang dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$42,772,600 untuk Maksud B.14; \$7,833,100 untuk Maksud B.15 dan \$65,397,100 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$42,772,600 untuk Maksud B.14; \$7,833,100 untuk Maksud B.15 dan \$65,397,100 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual..

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak

\$116,781,220 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dan \$7,830,000 untuk Maksud P.16 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$116,781,220 untuk Maksud P.14 dan \$7,830,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.17 (Jadual)—

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala Bekalan B.17 dan Kepala P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Simunjan.

5.46ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Saya ingin menyentuh, pertamanya, mengenai Butiran 030000 Sukan, iaitu bahagian yang terlibat dalam Kementerian ini. Apa yang saya ingin utarakan ialah mengenai kemerosotan sukan di tanahair kita dan juga mengenai penglibatan yang terlibat dalam sukan sama ada yang mengambil bahagian ataupun yang mengurus sukan.

Perkara yang saya perlu utarakan, saya rasa di ketika ini ialah soal penglibatan orang-orang yang mengurus sukan, penglibatan dalam pertubuhan sukan di tanahair kita, kerana terdapat personaliti tertentu terutama sekali yang dilantik oleh Kementerian ataupun pihak

Perkhidmatan Awam untuk mengetuai satu agensi Kerajaan, jabatan Kerajaan ataupun mungkm Kementerian, yang sepatutnya mengurus pentadbiran Kementerian, agensi Kerajaan ataupun jabatan Kerajaan, tetapi begitu banyak terlibat dalam arena kesukanan ataupun mengambil jawatan-jawatan tertentu dalam pertubuhan sukan di negara kita. Soalnya, tidakkah ini menimbulkan satu persaingan dalam jawatan yang dipegang oleh pegawai yang disebutkan itu.

Ada dua jenis pegawai-pegawai yang sedemikian. Pertamanya, pegawai yang benar-benar tertonjoi, yang boleh dilihat begitu aktif ataupun menampakkan diri begitu ketara, begitu mendadak.

Kedua, juga penglibatan dalam pertubuhan seperti ini tetapi tidak menonjol tetapi memegang jawatan yang begitu banyak dalam pertubuhan-pertubuhan sukan di tanahair kita. Kita memang menyedari hakikat bahawa orang seperti ini terutama sekali pegawai-pegawai seperti ini adalah pegawai yang benar-benar berminat dan benar-benar memikirkan dan merasakan bahawa sumbangan mereka adalah perlu untuk kemajuan sukan di tanahair kita. Namun demikian, conflict of interest ini juga harus kita sedari dan harus kita kaji agar ia tidak menjejaskan kelicinan perjalanan pentadbiran di bawah jagaan beliau. Lantaran apa? Lantaran mungkin oleh kerana begitu banyak terlibat dalam persatuan sukan, misal kata cyclingkah, lumba basikalkah, bola sepak, badminton, tarian dan sebagainya, maka ini mungkin melarikan diri daripada tugas yang sebenar yang harus dijalankan. Ada ramai lagi pegawai-pegawai yang mungkin berkemampuan yang tidak menggondol akan tugas-tugas seperti itu yang boleh kita pupuk bakat dan semangat mereka untuk memegang jawatan-jawatan tertentu.

Saya cadangkan supaya Kementerian meneliti perkara ini, mengurangkan penglibatan pegawai-pegawai tertentu terutama sekali yang tinggi yang dipertanggungjawabkan dengan menjaga Jabatan, agensi-agensi Kerajaan dan sebagainya supaya dikurangkan, direstricted, dengan izin, akan penglibatan mereka itu mungkin paling banyak dalam dua persatuan sahaja supaya memberi peluang kepada orang lain yang juga berminat yang mempunyai kemampuan, mempunyai kebolehan untuk mengetuai ataupun menjadi pengurus ataupun ketua kepada kumpulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah begitu berminat melibatkan diri. Namun demikian kita mesti juga sedar dan menyedari hakikat bahawa mereka adalah dipertanggungjawabkan dengan menjaga agensi Kerajaan yang harus berkhidmat kepada rakyat. Begitu jugalah yang terlibat dalam perkara yang mungkin tidak boleh dilihat oleh kita, pegawai-pegawai lain yang begitu aktif tetapi tidak begitu mendadak dan menonjol.

Yang keduanya ialah soal pengHbatan peserta-peserta dalam arena sukan dan pertubuhan-pertubuhan sukan. Apa yang telah kita lihat kalau dibanding dengan negara-negara lain terutama sekali negara-negara di Asia Tenggara ialah mungkin penekanan yang diberi oleh kita terhadap yang melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan ini adalah kurang. Ini dari segi relative, bukan dari segi general kerana untuk eksekutif ataupun pegawai-pegawai Jabatan Kerajaan yang mempunyai kemampuan, kebolehan menonjolkan diri dalam aktiviti kesukanan tetapi tidak diberi peluang yang begitu baik oleh pihak Jabatan-jabatan mereka di mana mereka bertugas dan sebagainya.

Maka oleh kerana itu, saya rasa kita perlu mengkaji semula akan peluang-peluang yang diberi kepada sesiapa sahaja yang berminat mempunyai bakat dalam mana-mana jenis sukan. Yang pandai bola sepak, misalnya, kita beri peluang betul-betul. Dia hendak pergi berlatih, kita beri dia berlatih, gaji jalan. Jangan diberi no-pay leave, misal kata, ataupun half-pay leave, beri dia full-pay leave supaya dia betul-betul berminat dan kita memberi sokongan kepada mereka ini. Ini bukan hanya ditunjuk kepada Kementerian Belia dan Sukan, tetapi kepada Jabatan-jabatan di mana terdapat belia-belia yang berminat, berkemampuan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan. Dengan ini, saya rasa dapatlah kita mempamerkan satu persembahan yang bermutu daripada mereka yang terlibat dalam aktiviti kesukanan sama ada di peringkat Negeri, Negara ataupun di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, yang lain yang hendak saya sentuh ialah Butiran 02000, Belia. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana Kementerian yang dahulunya Kebudayaan, Belia dan Sukan dikurangkan tugasnya dan dijadikan Belia dan Sukan. Ini bukan bermakna bahawa tugas itu kurang, tetapi harapan—mungkin Kerajaan menubuh Kementerian seperti ini dan harapan rakyat ialah supaya tumpuan diberi dengan sepenuhnya terhadap belia di negara kita ini agar kita dapat membangunkan belia menjadi warganegara yang berguna di masa akan datang. Tetapi harus kita sedari bahawa berbagai masalah telah menular dalam masyarakat belia kita. Disiplin, penyalahgunaan dadah. Penyalahgunaan gum—dalam Bahasa Malaysia pun "gam" juga, penyalahgunaan pakaian atau mungkin penyalahgunaan diri. Oleh kerana itu tugas pihak Kementerian Belia dan Sukan makin hari makin mencabar.

Satu lagi masaiah iaitu belia menganggur, yang tidak ada kerja dan masalah ini makin hari makin menular dan perlu tumpuan serta perhatian daripada kita semua terutama sekali pihak Kementerian Belia dan Sukan dan juga seluruh Wakil Rakyat termasuk saya sendiri. Kadangkala suara saya ini pada ketika ini kurang berguna, mungkin kepada satu golongan tetapi kepada golongan lain mungkin berguna malah lebih berguna. Jadi oleh kerana itu, saya cadangkan supaya kita benar-benar mewujudkan program yang berkesan, jangka pendek, jangka sederhana, jangka panjang supaya masa depan belia kita akan terjamin, cerah dan akan menjadi manusia yang berguna. Dalam Al-Quran Tuhan berfirman—wakil dari Kuala Nerus mungkin lebih mengetahui perkara ini—kita mahu mereka itu menjadi: "Kuntum Khaira Ummatin Uhrijatinas". Khaira Ummatin: Umat yang paling baik diturunkan bagi manusia. Ini yang kita hendak.

Tuan Pengerusi, saya rasa ituih harapan kita. Satu lagi ialah kita hendak juga program yang diadakan, diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan ini menyeluruh dan selaras, berkordinasi, jangan hanya diadakan tiap-tiap hari. Misalnya semasa saya dalam parti Kerajaan dahulu memang diadakan program itu untuk belia, tetapi orang yang bercakap itu bersatupadu, sokonglah PBB, misal kata, sokonglah Kerajaan. Saya pun suruh sokong juga, tetapi kalau itu sahaja tiap-tiap bersyarat, "sokong PBB, sokong Kerajaan, sokong Dato ini, Dato ini" dan sebagainya, maka kadang-kadang haluan kita itu tak betul, seolah-olah. . . .

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sudah pun terkeluar daripada tajuk.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sedikit-sedikitlah. (*Ketawa*) Jadi, kita

mahu tumpuan kita itu kepada belia, jangan terlalu sangat ditonjolkan soal politik. Bukan saya yang menonjol, saya sebut sahaja tetapi yang menonjolkan kadang-kadang kita yang mengurus itu. Jadi, kadang-kadang begitu terpengaruh. Jadi, kita mahu hala dan tujuan yang luhur ke arah membangunkan masyarakat belia di negara kita supaya mereka itu dapat menjadi warganegara yang berguna.

Satu lagi—dahulu saya ada bercakap semasa saya Back Bencher dan tahun 60an, saya ulang lagi sekali. Kadang-kadang kita ini suka bercakap hal perkara yang tidak baik, misalnya dadah. Dadah ini tiap-tiap hari kita sebut, dadah, dadah, dadah, penyalahgunaan dadah; merokok, merokok, merokok. Jadi ada orang kalau disebut selalu dia takut. Ada budak-budak, anak-anak kita ini makin selalu kita sebut, makin berminat dan dia hendak cuba. Macam juga kita kata kahwin, kahwin, kahwin, semua orang minat hendak kahwin. Jadi kita perlu kaji ini, adakah perlu kita sebutkan selalu sangat ataupun kurangkan menyebut perkara itu, takut nanti anggapan belia kita kalau selalu disebut: "Eh! perkara ini mungkin baik, tak baik pun cuba sedikit, selepas mencuba, baru kita berhenti," tetapi apabila mereka sudah mencebur diri mencuba, mereka begitu berminat; makin hari makin tertarik, akhirnya ketagihan.

Jadi cara ini perlu kita kaji. Ada juga yang menyatakan bahawa kita perlu sebutkan bahawa perkara itu tidak baik; tidak baik; tidak baik, supaya orang takut, tetapi kita juga perlu kata akan dia punya kesan buruk daripada menyebutkan selalu.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada saya dalam membahaskannya. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Pengerusi atas peluang yang diberi kepada saya.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.01 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 67, iaitu Maksud Bekalan B.17, Butiran 030000 di bawah program Sukan iaitu Kod 20,000—Perkhidmatan dan Bekalan yang mendapat lebih kurang \$1 juta untuk tahun 1988.

Tuan Pengerusi, sejarah kemajuan sukan di negara kita adalah seperti sejarah pasaran saham negara di akhir-akhir ini iaitu bersifat ketidaktentuan arah. Adakala prestasinya naik meningkat dengan tidak disangka-sangka dan ada kalanya ianya turun menjunam apabila harapan kejayaan memuncak. Kalau kita bandingkan pencapaian sukan negara kita dengan negara Korea Selatan, tentu sekali kita telah diatasi di dalam segala bidang. Kalau 10 ataupun 15 tahun yang ialu kita adalah "superior", dengan izin, daripada Korea Selatan, di dalam bidang etletik, bolasepak, badminton dan hoki, pada masa ini kita ditewaskan di setiap kali kita bertemu dengan Korea Selatan di dalam semua empat-empat bidang yang saya sebutkan tadi. Di manakah salahnya, Tuan Pengerusi, dan apakah rahsia kejayaan negara Korea Selatan di dalam bidang sukan ini? Saya pilih Korea Selatan sebagai contoh, kerana 15 tahun lalu bukan sahaja negara itu mundur di dalam bidang sukan, tetapi juga mundur di dalam bidang ekonominya, tetapi pada masa ini negara itulah yang menjadi kuasa di dalam kedua-dua bidang, iaitu bidang sukan dan bidang ekonomi, iaitu kuasa dunia.

Tuan Pengerusi, di zaman kita diajak memandang ke Timur untuk menimba ciri-ciri budaya timur iaitu budaya timur jauh yang membawa kepada kejayaan di dunia ini, kita masih lagi tidak dapat menimba banyak perkara-perkara yang betul. Pada pendapat saya rahsia kejayaan

sukan Korea Selatan ialah disiplin diri dan juga disiplin sosial yang tinggi di kalangan ahli-ahli sukan mereka dan juga di kalangan pegawai-pegawai sukan. Saya perhatikan gejala ini sangat berkurangan di kalangan ahli-ahli sukan kita, Tanpa kedua-dua disiplin ini, saya pasti beberapa banyak insentif yang diberi di dalam berbagai bentuk pada masa ini tidak akan membawa hasil yang memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan supaya di bawah program Sukan ini peruntukan pembinaan disiplin ini diadakan, dirancang dan disenggarakan dengan rapi. Apa yang saya maksudkan bukanlah seminggu, dua ataupun sebulan, dua sebelum pertandingan ahli-ahli sukan kita dibawa ke khemah-khemah komando dan diberi ucapan menaikkan semangat. Yang sepatutnya dilakukan ialah diwujudkan satu rangka jangka panjang pembinaan kedua-dua disiplin ini bermula dari seorang ahli sukan itu dikenalpasti sebagai petanding antarabangsa. Satu kumpulan pakar di dalam bidang ini perlu diadakan di Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi nasihat dan mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti ini di dalam tiap-tiap persatuan sukan yang ada di negara kita ini.

Khidmat ini bolehlah juga dipanjangkan ke sekolah-sekolah melalui Majlis-majlis Sukan Sekolah-sekolah untuk permulaan awal. Disiplin diri dan disiplin sosial di Korea Selatan dibina melalui sistem disiplin ketenteraan yang bermula dari sekolah sehingga ke dalam program kerahan tenaga, iaitu kerahan tenaga negara ataupun, dengan izin, National Service. Oleh sebab kita tidak menganuti sistem sosial sedemikian, kita harus mencari sistem lain yang akan membawa hasil yang sama iaitu peningkatan disiplin diri dan disiplin sosial.

Tuan Pengerusi, di muka surat 68 pula, di bawah Butiran 00100, Maksud Pembangunan 17—bertajuk Kemudahan-kemudahan Sukan, saya harap pihak Kementerian dapat memulakan usaha ke arah menggalakkan profesionalisma di bidang sukan negara. Walau pun pada tahun 1988 peruntukan hanya sebanyak \$36,000 diberi, berbanding dengan kos projek yang melebihi \$11 juta, biartah ini dijadikan sebagai benih permulaan. Saya cadangkan Kementerian Belia dan Sukan mula membantu dan menggalakkan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) sebagai permulaan merancangkan satu liga profesional yang memisahkan pasukan bola negeri-negeri ke dalam dua bahagian, iaitu Division I, dan Division II.

Saya tidak perlu memanjangkan secara detail kerana tidak berapa lama dahulu seorang peminat sukan telah mencadangkan skim ini di dalam akhbar *The New Straits Times* secara terperinci. Saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat merujuk kepada cadangan seorang peminat sukan itu.

Permainan Bolasepak sebagai satu sukan utama negara mendapat sambutan segenap lapisan rakyat. Kehausan rakyat Malaysia kepada satu tahap permainan bolasepak yang tinggi dapat dilihat apabila pasukan negara menunjukkan harapan menang di mana-mana pertandingan dan diberi sokongan dan sambutan yang besar dan baru-baru ini apabila dua negeri yang dahulunya sangat mundur di bidang bolasepak muncul sebagai bakal juara Malaysia Cup. Dari Raja hingga rakyat yang paling miskin memberi sokongan yang tidak berbelah-bahagi. Segala petanda-petanda ini menunjukkan bahawa pasaran bolasepak profesionalisma sudahpun wujud di negara kita ini.

Janganlah kita teragak-agak lagi di dalam membangunkannya kerana

bukan sahaja imej negara akan ditingkatkan melalui pencapaian sukan yang tinggi di peringkat antarabangsa tetapi ianya membuka satu lagi sektor ekonomi di dalam sistem ekonomi kita. Menjadikan sukan sebagai satu komoditi ekonomi merupakan satu suntikan perangsang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Implikasinya terhadap mengurangkan pengangguran dan juga memobilisasikan modal dalam negeri adalah besar, dan saya harap cadangan saya yang tidak seperti ini diambil perhatian oleh pihak Kementerian dengan memberi sokongan kepada pihak FAM untuk memulakan satu liga bolasepak profesionalisma di negara kita ini dan dengan itu saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Gopeng.

6.09 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 17—Butiran 020000, muka surat 67.

Terlebih dahulu ingin saya menegaskan bahawa kaum belia hari ini menghadapi berbagai masalah, terutama sekali masalah pengangguran, masalah penyalahgunaan dadah, jenayah, alienasi dan juga kurangnya interaksi dan persefahaman antara satu kaum dengan kaum yang lain. Maka ke arah menyelesaikan masalah-masalah inilah, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Belia dan Sukan:

- (i) Kementehnan Belia dan Sukan menubuhkan satu Jawatan-kuasa khas untuk mengkaji masalah-masalah itu.

Kajian mengenai masalah belia, saya rasa dapat dilakukan melalui kerjasama dengan Pusat Pengajian

Tinggi tempatan dan juga syarikat-syarikat swasta.

- (ii) Pusat-pusat Latihan Belia khususnya di Dusun Tua dan Pertak dan juga Program Latihan Sambil Kerja di Skudai perlu diberikan lebih banyak lagi peluang kepada kaum belia untuk menjalani latihan dan maklumat-maklumat tentang kewujudan peluang latihan di pusat-pusat tersebut haruslah disebarluaskan seluas-luasnya melalui akhbar-akhbar tempatan, RTM, Jabatan-jabatan Penerangan dan saluran yang lain.
- (iii) Tuan Pengerusi, pada pandangan saya Kementerian Belia dan Sukan perlu memastikan para peserta dalam sesuatu rancangan itu terdiri daripada belia-belia dari berbilang kaum. Ini penting kerana ia memberi kesempatan kepada belia-belia berkenaan untuk berintraksi dan bergaut agar mereka dapat faham hubungan serta merapatkan hubungan antara satu sama lain.
- (iv) Memandangkan penyertaan belia-belia bukan Melayu dalam rancangan ataupun projek anjuran Kementerian Belia dan Sukan kurang memuaskan, maka saya berpendapat elok bagi Kementerian Belia dan Sukan mengkaji secara terperinci masalah-masalah ini, memahami punca-puncunya dan akhirnya mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengatasi masalah itu.
- (v) Tuan Pengerusi, oleh kerana pada ketika ini ramai belia bukan Melayu khususnya belia

China tidak menjadi Ahli Pertubuhan Belia yang Berdaftar, maka mereka seolah-olah tersisih daripada aliran Gerakan Belia Kebangsaan dalam konteks pembinaan negara. Phenomena demikian kurang sihat, maka saya mencadangkan belia yang tidak menjadi ahli mana-mana Pertubuhan Belia juga diberikan pertimbangan malah digalakkan untuk menyertai rancangan-rancangan anjuran Kementerian Belia dan Sukan.

Satu lagi perkara, pada masa sekarang wujud berbagai jenis Pertubuhan Belia dan Jabatan Kerajaan yang menganjurkan aktiviti-aktiviti belia. Penyelarasan serta kerjasama antara satu Pertubuhan Belia dengan Pertubuhan Belia yang lain ataupun antara Pertubuhan Belia dengan Jabatan Kerajaan masih tidak begitu memuaskan. Selain daripada itu hubungan antara Pertubuhan Belia Melayu dengan bukan Melayu juga tidak begitu erat, dengan itu maka saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan mengambil daya-usaha untuk meningkatkan penyelarasan dan kerjasama berbagai pertubuhan belia itu.

Akhirnya saya ingin menyentuh Rancangan Pertukaran Belia dalam negeri. Pada pandangan saya ini satu rancangan yang amat bermakna dan perlu diberikan galakan, tetapi saya juga berharap program ini boleh menitikberatkan dua perkara iaitu:

- (i) peserta-pesertanya terdiri daripada belia-belia berbilang kaum.
- (ii) pertukaran antara belia bandar dengan belia luar bandar termasuk kampung baru dan estet.

Penekanan ke atas kedua-dua perkara di atas dapat memupuk persefahaman kaum di samping merapatkan hubungan antara belia bandar dengan belia luar bandar.

Tuan Pengerusi, demikianlah beberapa pandangan saya secara ringkas. Akhir sekali saya ingin menegaskan dalam apa jua rancangan yang kita lancarkan keutamaan pertimbangan kita sepatutnya ialah membina satu angkatan belia yang tahan lasak, berdikari dan juga bersatu-padu, dengan itu saya mohon untuk menyokong.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong Aru.

6.16 ptg.

Tuan Hsing Yin Shean (Tanjong Aru): Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.17—Kementerian Belia dan Sukan.

Saya ingin menarik perhatian kepada muka surat 67 dalam Buku Belanjawan Persekutuan. Saya hendak merujuk kepada Butiran 030000 sukan yang terkandung dalam muka surat 67.

Mula-mula sekali saya ingin menyentuh Majlis Olimpik Malaysia (The Olympic Council of Malaysia), yang pernah pada satu ketika menghadapi kesulitan kewangan yang amat serius sehingga ia tidak mampu menghantar seorang olahragawapun ke Jakarta untuk menyertai dalam Sukan Asia Tenggara pada September lalu. Apakah masalah yang timbul pada masa itu?

Tuan Pengerusi, mujurnya dapat kita menghantar satu kontingen ke Jakarta untuk mengambil bahagian dalam sukan tersebut, akan tetapi sebilangan besar olahragawan kita terpaksa membiayai semua perbelanjaan yang terlibat. Mereka hanya dibayar balik kecuali mereka

berjaya mendapat pingat emas, akhirnya Majlis Sukan Negara (National Sports Council) membayar wang sebanyak \$62,000 hanya kepada 8 orang olahragawan. Apa yang berlaku kepada olahragawan-olahragawan yang tidak berjaya memperolehi apa-apa pingat? Saya merasa Kementerian berkenaan tidak membuat apa yang perlu bagi para olahragawan kita.

Maka saya ingin bertanya apakah pendekatan inilah cara yang baik untuk meningkatkan taraf atau memperbaiki kualiti kesukanan negara ini dengan tujuan membawa kesukanan Malaysia ke arah yang lebih profesional dan lebih saintifik.

Tuan Pengerusi, pada masa dulu Malaysia selalu memenangi trophy dan pingat dalam sukan-sukan, tetapi ini tidak belaku lagi. Rombongan negara-negara lain yang lemah pada satu masa dahulu sekarang sudah mengatasi kita. Sebagai contoh pada suatu ketika dahulu, Malaysia merupakan negara yang handal dalam acara bolasepak dan kita mengalahkan Korea beberapa kali. Jepun, pada masa itu hanya merupakan, dengan izin, "The Alsurun" on the run, tetapi kini, kita tidak lagi sebanding dengan mereka. Kini harapan kita untuk mendapat pingat-pingat di sukan-sukan antarabangsa terletak hanya di atas perenang muda, Nurul Huda, berumur 13 tahun yang telah merangkul 7 pingat emas di Bangkok dan 7 buah pingat emas dalam sukan SEA baru-baru ini di Jakarta.

Jika Kerajaan mengalami kesulitan kewangan maka adalah amat penting Kementerian berhati-hati dalam pembelian peralatan-peralatan sukan. Satu contoh yang amat tidak menyenangkan ialah papan perhitungan atau scoreboard di Stadium Tun Razak dipasang dalam tahun 1982 dengan belanja \$500,000. Ia tidak dapat digunakan hampir

selama dua tahun kerana ia sering kali rosak dan kos pengendalian jangka panjang adalah terlalu tinggi.

Tuan Pengerusi, atas subjek yang sama nampaknya acara Bola Tangkis sekarang dapat memperolehi wang yang banyak jika dibandingkan dengan sukan-sukan yang lain Badminton Association of Malaysia (BAM) telah dapat mengandakan wang hadiah sebanyak dua kali tahun Ini kepada \$225,000 dan pertandingan ini adalah pertandingan yang paling terkaya sekali dalam dunia. Dengan insentif ini diberi, saya harap ini akan menggalakkan BAM menjadi lebih giat untuk mengembang dan menggalakkan permainan Bola Tangkis. Dan seperti diharapkan oleh orang ramai, saya juga berharap Thomas Cup akan dikembalikan ke tanahair kita sekali lagi.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah menubuhkan Kementerian ini semata-mata untuk kesukanan dan kita semua sedia maklum bahawa peruntukan untuk Kementerian ini hanya berjumlah \$44,620,100 yang merupakan peruntukan yang paling kecil sekali. Saya percaya adalah Kerajaan memperuntukkan wang yang lebih banyak lagi kepada Kementerian ini supaya dapat menjadikan sukan satu industri yang berkembang subur.

Sukan Asia Tenggara tahun 1989 akan diadakan di Kuala Lumpur dan kita mestilah bersiap sedia mulai sekarang supaya dapat kita mencapai prestasi yang cemerlang. Tidak terlambat bagi kita untuk membuat persiapan sekarang juga untuk memastikan kita mencapai hasil yang cemerlang berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi, muka surat 237 yang mengatakan

bahawa tujuan utama ialah untuk mewujudkan satu masyarakat yang mempunyai semangat kesukanan yang tinggi, sihat, cergas dan berdisiplin ke arah pembinaan negara melalui peningkatan dalam mutu kesihatan dan produktiviti.

Pada pendapat saya untuk mencapai tujuan ini kita perlukan wang yang lebih. Kita juga memerlukan sumbangan dari firma-firma di sektor swasta seperti Sports Toto yang telah menyumbang wang sebanyak \$1.4 juta untuk separuh tahun kepada Majlis Kesukanan Negara bagi tujuan pengembangan dan penggalakan keunggulan kesukanan. Saya harap firma-firma yang lain yang mendapat keuntungan besar seperti Genting Highlands menuruti teladan baik Sports Toto dan menyumbangkan lebih banyak wang untuk kesukanan negara ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya ingin saya menyeru Kementerian ini supaya melipatgandakan aktiviti-aktiviti sukan di negara ini oleh kerana hanya sukan sahajakah satu perkara yang dapat menyatukan dan mengeratkan integrasi kaum di negara kita ini yang sekarang ini sedang berada di puncak perpecahan. Sebagai contoh lihat sahaja perlawanan bolasepak atau badminton di antara negara kita dengan negara lain, rakyat kita akan keluar beramai-ramai, tidak kira kaum mana mereka datang dan bersorak dan menyokong pasukan negara kita dengan penuh bersemangat dan ini dengan sendirinya merapatkan hubungan antara kaum-kaum di negara kita.

Oleh yang demikian saya berharap cadangan saya ini akan diberi sepenuh perhatian oleh Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.26 *ptg.*

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Kementerian Belia dan Sukan.

Ahli Yang Berhormat dari Simunan telah menyentuh berkenaan dengan penglibatan para pegawai tertinggi Kerajaan dalam memegang peraju kesatuan-kesatuan sukan yang dikatakan mungkin menimbulkan pertembungan ataupun conflict dari segi kepentingan tugas induk mereka menjalankan pentadbiran di jabatan dan agensi masing-masing. Saya suka menyatakan bahawa dari segi Kementerian Belia dan Sukan, kita akan hanya terlibat dari segi prestasi pegawai yang berkenaan dalam mengendalikan kesatuan-kesatuan sukan yang berkenaan. Prinsip perlantikan adalah berasaskan kepada prinsip demokrasi dan penelitian Kementerian Belia dan Sukan ialah dari segi kejayaan mereka mengendalikan kesatuan yang berkenaan.

Namun demikian saya percaya agensi-agensi lain khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam akan meneliti supaya pegawai yang berkenaan itu walaupun memegang banyak jawatan dalam bidang sukan tetapi tidak mengabaikan tugas induknya iaitu mentadbir jabatan yang berkenaan.

Dari segi cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya banyak masa diberi kepada para pegawai supaya melibatkan di dalam bidang latihan dan bidang kesukanan, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan sedang berusaha mewujudkan sebanyak 150 jawatan di bawah Majlis Sukan Negara supaya ahli-ahli sukan negara akan ditempatkan di mana mereka yang sebagai ahli sukan

ataupun Jurulatih supaya mereka akan dapat menjalankan latihan sepanjang masa dan latihan sepanjang masa adalah merupakan kunci kepada usaha kita mempertingkatkan prestasi dan mutu sukan tanahair.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menimbulkan perbandingan di antara kejayaan negara Korea Selatan dan kejayaan Malaysia khususnya dalam bidang sukan dan beliau telah membuat kesimpulan bahawa ini banyak berkisar kepada sikap disiplin sosial dan disiplin diri yang ada kepada rakyat negara Korea pada tahap yang begitu tinggi.

Saya suka menyatakan di sini bahawa kejayaan dalam bidang sukan bukanlah merupakan satu kejayaan yang berasingan. Ianya tidak boleh diasingkan daripada sikap keseiuruhan masyarakat kita. Oleh itu, sikap ahli sukan juga merupakan manifestasi sikap masyarakat kita pada keseluruhannya. Oleh itu, kita tidak

boleh mengubah semata-mata kepada kumpulan ahli sukan sahaja tanpa membuat perubahan sikap masyarakat kita pada keseluruhannya.

Oleh itu kalau kita hendak mencontohi langkah seperti yang berlaku kepada rakyat negara Korea maka satu usaha yang begitu menyeluruh barus dilakukan kerana tanpa perubahan secara menyeluruh saya tidak yakin bahawa kalau perubahan yang diajukan kepada satu kumpulan sahaja boleh membawa kejayaan yang diharapkan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.